AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ڤليتا بروني
# PELITA BRUNEI
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

TAFSIRNYA : "Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan dengan suara perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raaf ayat 55.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 5.06 | SUBUH 5.16 | SYURUK 6.36 | DUHA 7.00 | ZUHUR 12.35 | ASAR 3.56 | MAGHRIB 6.32 | ISYAK 7.43

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 15 | 3 FEBRUARI 2025 / 1446 شعبان 4 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

# KEBAWAH DYMM AKAN BERANGKAT MENGADAKAN KEBERANGKATAN NEGARA KE REPUBLIK RAKYAT CHINA

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 2 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat mengadakan Keberangkatan Negara ke Republik Rakyat China di Beijing pada 6 Februari 2025 dan seterusnya menghadiri Majlis Pembukaan Asian Winter Games Ke-9 pada 7 Februari 2025 di Harbin, Heilongjiang Province, China.

**>> Muka 3**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Dua Hala bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping yang berlangsung di Hotel Mandarin Oriental, Bangkok pada 18 November 2022.**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

## Berita Utama



15 pelajar Program Tarannum, Tajwid Kohort Kedua diraikan
Muka 8



KUKUHKAN semangat patriotik pelajar
Muka 12



LCB sertai Young Chef Olympiad 2025
Muka 18




MINAT kepada masakan dorong wujudkan Seven Sporks
Muka 20

# FASS UBD lancarkan 12 buku akademik

**Siaran Akhbar : Universiti Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Februari. - Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Universiti Brunei Darussalam (UBD) baru-baru ini telah melancarkan sebanyak 12 buku akademik yang merangkumi pelbagai bidang dalam sains sosial, termasuk sejarah, linguistik, pendidikan, geografi dan hubungan antarabangsa.

Hadir pada majlis perasmian yang berlangsung di RnC Café di Perpustakaan Perniagaan UBD ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

**>> Muka 6**

# Memperingati peristiwa agung Israk Mikraj

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**BERAKAS**, Sabtu, 1 Februari. – Peristiwa Israk dan Mikraj merupakan mukjizat agung yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dalam sama-sama mengambil iktibar dan pengajaran daripada peristiwa berkenaan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta jabatan-jabatan di bawahnya turut mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, yang diselenggarakan oleh Jabatan Perhutanan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

**>> Muka 4**

# 'Seri Dunia : Jurang Wanita Ke Syurga' semarakkan Malam Munajat

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 2 Februari. - Syurga Allah Subhanahu Wata'ala itu dipagari dengan pelbagai jenis kesusahan. Di saat kita berasa kesusahan, maka ketahuilah bahawa di dalam kesusahan itu terdapat jalan untuk menuju ke Syurga Allah.

Dan ketahuilah bahawa neraka itu dipagari dengan godaan dan hawa nafsu. Di saat kita sentiasa senang untuk meninggalkan solat maka ini adalah godaan hawa nafsu.

**>> Muka 5**

# BruHealth penyelesai utama melindungi keselamatan, kesejahteraan rakyat Brunei

**Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen,
Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil
Anbiyaie Wal Mursalin,
Saidina Muhammadin,
Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in**

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera**

**ALHAMDULILLAH**, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini di Majlis Pelancaran Aplikasi BruHealth Versi 5.0. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Pada pagi ini, insyaAllah kita akan sama-sama menyaksikan detik penting dalam Perjalanan Transformasi Kesihatan Digital Brunei. Hampir lima tahun yang lalu, BruHealth menjadi sebahagian daripada kehidupan kita. Sewaktu pandemik COVID-19, BruHealth berfungsi sebagai salah satu penyelesaian utama untuk melindungi keselamatan dan kesejahteraan rakyat Brunei.

Kita telah berhadapan dengan satu krisis yang amat luar biasa dan memerlukan jalan penyelesaian yang pantas, berkesan dan inovatif. Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua dan dengan sokongan berterusan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, aplikasi BruHealth telah diperkenalkan untuk membantu melindungi keselamatan dan kesejahteraan penduduk Negara Brunei Darussalam pada ketika itu. Perjalanan Transformasi Kesihatan Digital negara kita telah dipercepatkan.

Dengan 95 peratus penduduk menggunakan BruHealth, ia menjadi perisai negara kita, menggunakan data terkini untuk mengurus sejarah perjalanan, gejala, keputusan ART dan PCR serta rekod vaksinasi. Selain itu, BruHealth terus berkembang dengan ciri-ciri seperti tempahan slot untuk bersembahyang Jumaat di masjid-masjid, penjadualan vaksinasi dan melaporkan keputusan ART. Tempahan vaksin mempermudahkan pelaksanaan vaksinasi, membantu kita mencapai kadar vaksinasi dos pertama yang tinggi iaitu 94 peratus, menjelang Mac 2022. Sementara itu pula lebih 5 juta keputusan ART telah dimuat naik ke aplikasi BruHealth, membantu memberikan maklumat kritikal terhadap penilaian kemungkinan penularan wabak tersebut. BruHealth telah menyatukan kita semasa waktu yang mencabar dan memperkasakan setiap lapisan masyarakat untuk memainkan peranan penting dalam melindungi negara.

Apabila kita melangkah ke Fasa Endemik, BruHealth juga turut berubah, memberi tumpuan kepada membina masa depan yang lebih sihat dan terhubung. Evolusi ini menekankan kesejahteraan, bukan sekadar rawatan penyakit, sambil mendigitalkan perkhidmatan kesihatan seperti tempahan klinik dalam talian, konsultasi video dan pengurusan giliran. Inisiatif seperti BN on The Move National Challenge telah menggalakkan gaya hidup sihat, dengan rakyat mencapai 80 bilion langkah secara kolektif. Satu lagi pencapaian negara yang luar biasa.

Namun, dalam era kesihatan digital ini, kita harus terus melangkah ke hadapan untuk menghadapi cabaran kesihatan dengan cara yang lebih inovatif dan berkesan. Oleh itu, pada hari ini, saya dengan sukacitanya memperkenalkan BruHealth 5.0, sebuah platform transformatif yang direka untuk memperkasakan individu dalam menguruskan kesihatan dan kesejahteraan mereka.

Jadi, apakah yang baharu pada aplikasi BruHealth 5.0 ini?

- Pertama, ialah tambahan terbaharu kepada Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (PPKK) iaitu saringan Kanser Pangkal Rahim. Saringan Kanser Pangkal Rahim ini merupakan salah satu daripada empat Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan yang kini boleh diakses melalui BruHealth. Tiga program lain yang sudah tersedia ialah saringan Kanser Payudara, Kanser Kolorektal dan penyakit kardiovaskular. Proses saringan kini boleh dilakukan secara mudah dan tepat pada masanya melalui tempahan janji temu melalui aplikasi BruHealth. Pada kesempatan ini, saya sekali lagi ingin menyarankan semua wanita yang layak untuk menjalani saringan ini bagi mengesan virus HPV dan merawatnya sebelum ia berkembang menjadi kanser.

- Kedua, Indeks Kesihatan. Ciri ini adalah sekarang lebih peribadi (*personalised*) dengan soal selidik yang lebih pendek dan pintar, dengan mengambil kira pemakanan, tekanan stres, kesihatan fizikal dan kualiti tidur - faktor utama dalam kesihatan keseluruhan. Skor Indeks Kesihatan setiap individu bukan hanya sekadar angka; ia adalah pintu masuk kepada nasihat dan matlamat kesihatan yang dapat diakses dan sesuai dengan gaya hidup masing-masing.

- Seterusnya, ciri Rutin. Selain senaman, orang ramai kini boleh mencatat pengambilan makanan, tempoh tidur, tahap pengambilan air yang mencukupi dan juga jadual ubat - semua di satu tempat;



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa berucap pada Majlis Pelancaran Aplikasi BruHealth Versi 5.0 pada Khamis, 16 Rejab 1446 Hijrah / 16 Januari 2025 Masihi di Central Course Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

**>> Muka 10**

## WAKTU SEMBAHYANG

| FEBRUARI MASIHI | HARI | SYAABAN HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 3 | ISNIN | 4 | 5.06 | 5.16 | 6.36 | 7.00 | 12.35 | 3.56 | 6.32 | 7.43 |
| 4 | SELASA | 5 | 5.06 | 5.16 | 6.36 | 7.00 | 12.35 | 3.56 | 6.32 | 7.44 |
| 5 | RABU | 6 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.35 | 3.56 | 6.32 | 7.44 |
| 6 | KHAMIS | 7 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.35 | 3.56 | 6.32 | 7.44 |
| 7 | JUMAAT | 8 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.35 | 3.56 | 6.32 | 7.44 |
| 8 | SABTU | 9 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.35 | 3.56 | 6.33 | 7.44 |
| 9 | AHAD | 10 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.35 | 3.56 | 6.33 | 7.44 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 25 °C | 30 25 °C | 30 26 °C |
| Pekan Bangar | 31 25 °C | 31 25 °C | 31 25 °C |
| Pekan Tutong | 31 24 °C | 30 25 °C | 30 25 °C |
| Kuala Belait | 30 24 °C | 29 25 °C | 29 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 3 FEBRUARI 2025

### Ceburi bidang keusahawanan, majukan ekonomi negara

**BIDANG** keusahawanan merupakan salah satu komponen penting dalam memacu pembangunan ekonomi negara sama ada dalam peringkat domestik dan luar negara.

Penglibatan dalam keusahawanan ini memberi peluang kepada seseorang untuk menjadi usahawan dan berperanan aktif dalam mencipta nilai ekonomi serta memberi impak sosial.

Melalui keusahawanan ini juga sudah pasti mampu meningkatkan taraf hidup seseorang itu dan yang penting adalah kejujuran dan amanah dalam berniaga. Sebelum melibatkan diri dalam dunia keusahawanan, kita perlu belajar dan menimba ilmu dalam bidang keusahawanan ini dan seterusnya membuat kajian dan penyelidikan mengenai perniagaan yang menjadi sasaran.

Ketika ekonomi dunia yang mencabar ini, belia sebagai penerus pembangunan negara, juga disarankan untuk proaktif meneroka bidang keusahawanan dan ini bukan saja meningkatkan kemajuan diri, pada masa yang sama membantu meningkatkan ekonomi negara secara amnya.

Kepentingan penglibatan belia dalam keusahawanan adalah penting untuk pembangunan ekonomi, sosial dan inovasi sesebuah negara. Dengan penglibatan belia ini secara tidak langsung ia dapat mewujudkan peluang pekerjaan bukan sahaja untuk belia itu sendiri tetapi juga untuk orang lain. Usahawan muda sering kali mencipta perniagaan baharu yang membawa penciptaan banyak pekerjaan dalam pelbagai sektor.

Dalam pada itu juga, keterlibatan belia ini mencetuskan inovasi dan kreativiti kerana belia cenderung lebih terbuka kepada idea baharu dan teknologi terkini. Ini memberi mereka kelebihan untuk memperkenalkan produk atau perkhidmatan inovatif yang boleh mengubah industri atau mencipta pasaran baharu.

Pada zaman teknologi yang serba canggih ini, menggunakan platform digital adalah satu langkah penting dalam bidang keusahawanan seperti melalui media sosial dengan menggunakan platform Instagram, TikTok, dan Facebook untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan secara langsung kepada pelanggan tanpa memerlukan kedai fizikal.

Selain itu juga, para belia yang terlibat dalam bidang keusahawanan ini berpeluang untuk membangunkan kemahiran kepimpinan dan pengurusan, kewangan dan pemasaran. Ini memberi peluang kepada belia untuk membangunkan kemahiran tersebut yang berguna dalam kehidupan profesional mereka.

Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam dapat dilihat para belia berani menceburi bidang keusahawanan ini seperti membuka kedai kopi, kedai makan dan sebagainya. Ini menunjukkan para belia di negara ini menyahut seruan kerajaan untuk menceburi bidang baharu terutama sekali bidang keusahawanan.

Meskipun bidang ini ada pasang surutnya, seseorang itu tidak perlu mudah berputus asa. Teruslah timba pengalaman, dalam masa yang sama perbaiki perancangan perniagaan dan sertai kelas-kelas perniagaan yang telah disediakan agar terus bertahan dalam bidang ini. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

# Kebawah DYMM akan berangkat mengadakan Keberangkatan Negara ke Republik Rakyat China

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

**>> Muka 1**

Semasa di Beijing nanti, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan mengadakan perjumpaan-perjumpaan berasingan bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping; Premier of the State Council of the People's Republic of China, Tuan Yang Terutama Li Qiang; dan Chairman of the Standing Committee of the 14th National People's Congress of the People's Republic of China, Tuan Yang Terutama Zhao Leji, bagi mengesahkan kembali hubungan dua hala dan seterusnya mempertingkatkan lagi kerjasama dalam bidang yang saling menguntungkan kepada kedua-dua buah negara serta kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China menjalinkan hubungan diplomatik pada 30 September 1991, dan hubungan berkenaan telah dipertingkatkan kepada peringkat Strategic Cooperative Partnership pada 19 November 2018.

NBD dan Republik Rakyat China juga berkongsi hubungan mesra dan rapat yang sudah lama terjalin melalui pelbagai bidang termasuk perdagangan dan pelaburan, pertanian dan perikanan, belia, sukan, pelancongan, kebudayaan dan pertukaran antara rakyat.

Kedua-dua buah negara juga bekerjasama rapat dalam projek-projek, antaranya ialah Brunei Guangxi Economic Corridor (BGEC), Hengyi Industries Sdn. Bhd. dan Beibu Gulf Holdings Co. Ltd.

Kali terakhir Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat ke Beijing adalah pada April 2019 bagi menghadiri 2nd Belt and Road Forum for International Cooperation. Manakala, kali terakhir baginda mengadakan Keberangkatan Negara ke Republik Rakyat China adalah pada September 2017.

# BERKENAN SAKSIKAN LIGA SUPER BRUNEI 2024 / 2025



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Liga Super Brunei (BSL) 2024 / 2025. Juga berangkat, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin**






**TURUT berangkat menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim selaku Ketua Pasukan (atas kanan dan atas). Manakala gambar bawah kanan, penyampaian hadiah kepada juara oleh Presiden Interim Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Pengiran Haji Kamarunsalehin bin Pengiran Haji Kamis. Sementara gambar bawah, antara yang hadir menyaksikan perlawanan.**



**JERUDONG**, Ahad, 2 Februari. - Kasuka FC berjaya mengekalkan gelaran juara menerusi Liga Super Brunei (BSL) 2024 / 2025 setelah menewaskan DPMM FC dengan keputusan 3 - 2 di Jerudong Park Mini Stadium, malam tadi.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Turut berangkat menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim selaku Ketua Pasukan.

Babak pertama menyaksikan Kasuka FC menguasai permainan dengan membuat jaringan pertamanya pada minit ke-19 melalui tendangan Willian Dos Santos Silva. Namun selang dua minit kemudian, DPMM FC berjaya membolosi gawang Kasuka FC melalui sepakan kencang Sergio Mendiguchia Iglesias.

Kasuka FC terus ligat menguasai permainan sekali gus memberi tekanan kepada DPMM FC menerusi sepakan penalti yang berjaya dihasilkan oleh Kasuka FC melalui Willian Dos Santos Silva pada minit ke-31.

Bersambung pada babak kedua perlawanan, Kasuka FC sekali lagi mempamerkan aksi cemerlang apabila Willian Dos Santos Silva sekali lagi memberikan gol pada minit ke-76.

Walaupun menghampiri penghujung perlawanan, DPMM FC tetap memanfaatkan masa tambahan yang diberikan dengan menjaringkan gol kedua melalui Luis Matias Hernandez - Miruena.

Pada perlawanan tersebut, Kasuka FC meraih tiga mata penuh dengan jumlah 37 mata sekali gus merebut gelaran juara BSL 2024 / 2025.

Penyampaian hadiah kepada juara liga disampaikan oleh Presiden Interim Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Pengiran Haji Kamarunsalehin bin Pengiran Haji Kamis.



# MEMPERINGATI PERISTIWA AGUNG ISRAK MIKRAJ

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang diselenggarakan oleh Jabatan Perhutanan.

>> Muka 1

Turut hadir pada majlis yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KSSUP.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Abdul Qawiyyel Azeez bin Haji Abdul Rajid, johan Pertandingan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 2023 dan 2024.

Majlis diserikan lagi dengan Ceramah Khas bertajuk 'Dari Dunia ke Sidratulmuntaha : Jejak dan Hikmah Perjalanan Kekasih Allah' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Dalam ceramahnya, Awang Haji Ahmad Abdussalam mengongsikan, Israk dan Mikraj merupakan satu peristiwa yang agung, iaitu perjalanan Israk Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjidilharam ke Masjidil Aqsa serta Mikraj Baginda ke langit yang dipermudahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, yang kedua-dua peristiwa berkenaan berlaku dalam masa yang singkat.

Tambahnya, Israk dan Mikraj merupakan mukjizat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan ia adalah untuk menghiburkan hati junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kerana berlakunya pada tahun kesedihan Baginda.

Peristiwa berkenaan katanya lagi, menyimpan pelbagai hikmah yang bernilai bagi umat Islam antaranya mengajar erti ketabahan, membersihkan hati, mengetahui tanda - tanda kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala, memantapkan iman dan meningkatkan ketakwaan.

Majlis sambutan berkenaan merupakan kegiatan tahunan KSSUP untuk menyemarakkan lagi Sambutan Israk dan Mikraj serta memperingati peristiwa agung Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara warga KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya.



CERAMAH Khas disampaikan oleh penceramah undangan, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

# BDMD pemenang Energy Managers' Cup





SETIAUSAHA Tetap (Tenaga) Jabatan Perdana Menteri (JPM) semasa hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah Energy Managers' Cup kepada Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (kiri dan atas).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Februari. – Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dipilih sebagai pemenang Energy Managers' Cup.

Pertandingan Energy Managers' Cup merupakan pertandingan pengurusan tenaga antara kementerian-kementerian yang diadakan dari bulan Mac 2023 hingga Februari 2024 yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan tenaga dan langkah-langkah penjimatan tenaga dalam bangunan kerajaan, dan meningkatkan kesedaran dalam kepentingan penjimatan tenaga dalam kalangan penjawat awam.

BDMD berjaya mengurangkan penggunaan tenaga elektrik sebanyak 21 peratus dengan mengungkayahkan inisiatif-inisiatif tanpa kos.

Sebanyak sembilan kementerian telah menyertai pertandingan berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah pada Majlis Penyampaian Hadiah bagi pemenang Energy Managers' Cup di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM) ialah Setiausaha Tetap (Tenaga) JPM, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib.

Tetamu kehormat juga menyampaikan Sijil Building Energy Label kepada beberapa bangunan kerajaan yang telah diaudit di bawah Program Pengauditan Tenaga dan mencapai Indeks Kecekapan Tenaga Minimum.

Program Pengauditan Tenaga di Daerah Tutong, yang bermula pada Oktober 2023 dan berakhir pada Ogos 2024 adalah bertujuan untuk mengenal pasti ketidakcekapan penggunaan tenaga dan peluang untuk penambahbaikan bagi pengurangan penggunaan tenaga elektrik serta mengira Indeks Kecekapan Tenaga yang akan digunakan sebagai data asas untuk mengukur prestasi kecekapan tenaga bangunan-bangunan tersebut.

Sijil Building Energy Label yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga kepada setiap bangunan adalah berdasarkan sistem penarafan bintang.

Lima bintang menunjukkan bangunan yang sangat cekap tenaga, manakala satu bintang menunjukkan prestasi kecekapan tenaga yang rendah.

Sementara itu, pertandingan Energy Managers' Cup kali pertama diadakan pada tahun 2023 sebagai sebahagian daripada inisiatif Jabatan Tenaga di JPM untuk memupuk budaya kecekapan tenaga dalam kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan. Ianya dirancang untuk diadakan dua tahun sekali

Turut hadir ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) JPM, Dayang Noor Dina Zharina binti Haji Yahya; ketua-ketua jabatan atau bahagian serta Pengurus Tenaga dari kementerian-kementerian.



ANTARA yang berucap pada majlis berkenaan.

# 'SERI DUNIA : JURANG WANITA KE SYURGA' SEMARAKKAN MALAM MUNAJAT

>> Muka 1

Sesungguhnya tanggungjawab wanita Muslimah diuji dengan pelbagai cabaran. Di saat kita merasakan solat semakin berat, ketahuilah godaan syaitan itu semakin kuat. Seri solat tidak lagi terlihat.

Sedangkan wuduk dan solat merupakan cahaya dan seri yang terpancar di setiap individu apabila ia suka dan ingin untuk menunaikan solat. Maka jadilah wanita yang dikenali Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di sebalik ribuan umat menanti, Telaga Haudh akan menjadi saksi, seri wuduk wanita terpancar abadi.

Perkara berkenaan antara yang disentuh dalam tazkirah bertajuk 'Seri Dunia : Jurang Wanita Ke Syurga' disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dayang Dr. Widad binti Haji Abdul Aziz bagi menyerikan lagi Malam Munajat Kali Ke-171 khas untuk wanita ke-21 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Acara Malam Munajat berkenaan dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Penolong Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dayang Nurul Azimah binti Haji Abdul Hamid, dari Surau Utama KUPU SB.

Diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Penolong Ketua Exco Keugamaan dan Kerohanian, Majlis Perwakilan Pelajar Persatuan Pelajar KUPU SB, Dayang Hayatul Ain Nabillah binti Amir Hussin.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Timbalan Pendakwa Syar'ie, Bahagian Pendakwaan Syar'ie, KHEU, Dayang Hajah Siti Khalijah binti Haji Bakar.

Selesai tazkirah, diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh Penolong Pensyarah (SkiPPA) KUPU SB, Dayang Nur Hazimah binti Haji Marali dari Surau Utama KUPU SB.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Pegawai Ugama (SkiPPA) Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Dayang Noorhazlina binti Mohiddin dari Surau Utama KUPU SB.

Acara Malam Munajat disemarakkan oleh tenaga akademik dan para pelajar UNISSA dari Surau Utama kolej berkenaan dan juga Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah wanita dari beberapa buah masjid.

Ikut serta secara maya ialah warga kerja wanita KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya. Turut menyerikan, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.



MALAM Munajat Kali Ke-171 khas untuk wanita ke-21 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Seri Dunia : Jurang Wanita Ke Syurga' disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dayang Dr. Widad binti Haji Abdul Aziz.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan berzikir dan berselawat, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai semoga NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terhindar daripada segala mala petaka dan penyakit berbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan *https://tiny.cc/munajatkheuwanita*.

# Ambil iktibar, pengajaran peristiwa Israk dan Mikraj



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien (kiri). Manakala gambar atas, Persembahan Teater Drama oleh Kumpulan Muslimah Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia bertajuk 'Mau'izah Isra' Wal Mi'raj Untuk Muslimah'.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Februari. – Umat Islam disaran untuk sentiasa melazimi taubat kerana taubat yang merupakan pembersihan rohani adalah wajib bagi menghapuskan dosa yang telah kita lakukan.

Perkara itu antara pengajaran yang terkandung dalam Persembahan Teater Drama oleh Kumpulan Muslimah Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia bertajuk 'Mau'izah Isra' Wal Mi'raj Untuk Muslimah' diadakan sempena Sambutan Israk dan Mikraj, berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Teater juga mengandungi pengajaran mengenai kepentingan solat fardu iaitu sesiapa yang meninggalkan kerana mengingkari hukum wajib solat fardu atau sengaja mempersendakan kewajipan solat maka ia akan menjadi kafir.

Jika ada yang tertinggal maka segeralah untuk mengqadanya dan waktu yang terbaik untuk menggantikan solat adalah pada sebelum atau selepas solat fardu.

Menjauhi perkara mungkar dan maksiat juga merupakan pengajaran yang dapat diambil dari teater berkenaan.

Semasa Israk Mikraj, Rasulullah Sallalahu Alaihi Wasallam dibawa meninjau keadaan di neraka, Baginda juga melihat pelbagai bentuk penyeksaan, seperti hukuman kepada pemakan riba, penzina, pengumpat yang suka memfitnah dan lain-lain lagi.

Hadir selaku tetamu kehormat, Isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Sambutan berbentuk penyampaian dakwah yang kreatif dan efektif ini dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddien bertujuan untuk menyemarakkan Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1446 Hijrah dan sama-sama berpatisipasi dalam mengembangkan syiar Islam.

Selain mengimbas kembali peristiwa yang berlaku dalam Israk dan Mikraj serta mengambil teladan dan iktibar dalam membina syakhsiah Muslimah yang beriman dan bertakwa, sambutan juga dapat menguatkan keazamaan untuk meningkatkan lagi ibadah pada bulan Ramadan yang akan menjelang nanti.

# FASS UBD LANCARKAN 12 BUKU AKADEMIK

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

**>> Muka 1**

Pelancaran buku yang bertajuk 'Denai Ilham' (The Inspirational Trail) bertujuan untuk meraikan sumbangan ilmiah Ahli Akademik FASS, yang karya mereka mewakili penambahan penting kepada hasil penyelidikan, kesarjanaan dan pembangunan negara.

Terdahulu, Dr. Hazri dalam ucapannya menekankan kepentingan penghasilan buku akademik secara berterusan. Beliau seterusnya menyatakan bahawa penerbitan ini bukan sahaja mencerminkan dedikasi dan kerja keras para sarjana UBD tetapi juga menekankan komitmen universiti untuk menjadi hab ilmu untuk ahli akademik dan orang ramai.

"Usaha berterusan dalam penyelidikan dan penerbitan berfungsi sebagai sumber inspirasi dan bimbingan untuk generasi muda. Saya berharap agar inisiatif sebegini dapat memupuk kerjasama dengan institusi lain dan memacu kecemerlangan dalam bidang akademik," ujarnya.

Antara buku yang dilancarkan pada majlis tersebut ialah 'Manuskrip Lama Brunei : Keberadaan dan Kehebatannya' (Ceramah Perdana Professorial) oleh Profesor Dr. Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah dan 'Sungai Kerajaan Kuripan & Tulin : Pentadbiran Wilayah Kesultanan Brunei : Kelahiran dan Kesinambungan' (Ceramah Perdana Professorial) oleh Profesor Dr. Haji Awang Asbol Haji Mail.

Seterusnya, 'Rancangan Kemajuan Negara Brunei Darussalam (1967-2017) : Sejarah Pendidikan, Kesihatan dan Perumahan' oleh Dayangku Dr. Norafidah Pengiran Mohd. Shamri, Profesor Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail, Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah dan Dr. Haji Tassim bin Haji Abu Bakar; 'Traditional Malay Monarchy' oleh Profesor Dr. Awang Haji Asbol bin Haji Mail, 'Governance, Migration and Security in International Relations oleh Associate Professor', Dr. A. K. M. Ahsan Ullah dan Jannatul Ferdous dan 'India and China in Southeast Asia' oleh Dr. Amit Ranjan, Dr. Diotima Chattoraj, dan Associate Professor Dr. A. K. M. Ahsan Ullah.

Kemudian, buku bertajuk 'Southeast Asia in Pre-and Post-COVID-19 : Economy, Society, Mobility, and Religion' oleh Associate Professor Dr. A. K. M. Ahsan Ullah, Dr. Shirley Chin Wei Lee dan Dr. Noor Hasharina Hassan; 'Social Safety Nets and Poverty Reduction in Developing Countries' oleh Dr. Jannatul Ferdous and Associate Professor Dr. A. K. M. Ahsan Ullah dan 'The Unheard Stories of Rohingyas' oleh Associate Professor Dr. A. K. M. Ahsan Ullah and Dr. Diotima Chattoraj.

Selanjutnya, 'Brunei English : A New Variety in a Multilingual Society' (2nd ed.) oleh Dr. Salbrina Sharbawi, Profesor David Deterding dan Dayangku Dr. Nur Raihan Pengiran Mohamad; 'Mediated Muslim Cosmopolitanism : New Media and Popular Culture Engagements in Brunei and Malaysia' oleh Dr. Siti Mazidah Mohamad dan 'The Phonetics of Malay' oleh Profesor David Deterding, Dr. Ishamina Athirah Gardiner dan Dr. Najib Noorashid.

Sebahagian daripada buku ini diterbitkan oleh penerbit tempatan seperti Pusat Sejarah Brunei dan Qarun Nafis, manakala yang lain dikeluarkan oleh penerbit terkenal antarabangsa termasuk Bristol University Press, Cambridge University Press, Springer, Palgrave Macmillan, Routledge, dan Taylor & Francis.

Pelancaran itu juga dihadiri oleh Presiden Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR), Dr. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos juga selaku Pengarah Akademi Pengajian Brunei di UBD.



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) hadir pada majlis perasmian yang berlangsung di RnC Café di Perpustakaan Perniagaan UBD (atas dan bawah kiri).






ANTARA buku yang dilancarkan pada majlis berkenaan.

# JPMC berjaya melaksanakan pemindahan hati pertama di NBD




SESI Sidang Media yang diadakan di Pusat Pakar Pantai Jerudong.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

**JERUDONG**, Ahad, 2 Februari. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) berjaya dengan rasa berbesar hati mengumumkan pencapaian bersejarah dalam landskap penjagaan kesihatan Negara Brunei Darussalam (NBD), iaitu kejayaan pemindahan hati pertama di negara ini daripada penderma yang masih hidup.

Prosedur yang memecah tradisi berkenaan dilaksanakan pada 1 Februari 2025, melibatkan seorang wanita berusia 35 tahun yang dengan murah hati memberikan sebahagian daripada hatinya kepada bapanya yang berusia 59 tahun sebagai penerima.

Kedua-dua individu berkenaan kini berada dalam keadaan stabil dan sedang menjalani pemulihan di bawah pengawasan perubatan yang rapi di JPMC.

Pencapaian berkenaan bukan sahaja menekankan keupayaan JPMC dalam menjalankan prosedur pembedahan yang kompleks dan canggih tetapi juga menandakan langkah penting bagi sektor penjagaan kesihatan NBD.

Sebelum ini, pemindahan hati memerlukan rawatan di luar negara, yang memberikan tekanan kewangan dan emosi kepada pesakit dan keluarga mereka.

Dengan kejayaan pembedahan berkenaan, NBD telah membuktikan kemampuannya untuk menyediakan penjagaan pemindahan yang khusus di dalam negara, meningkatkan hasil pemulihan pesakit sambil mengurangkan kos perubatan bagi negara.

Menurut Ketua Pegawai Perubatan JPMC, Dr. Meera Sahib Kabeer semasa sesi Sidang Media yang diadakan petang tadi di Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC), pencapaian berkenaan akan mengurangkan kos prosedur pemindahan hati yang sebelum ini dilakukan di luar negara, menjadikannya lebih mudah diakses oleh rakyat NBD.

Katanya, pembedahan yang dijalankan mengambil sekitar lima ke enam jam dan setelah itu penderma dan penerima akan terus dipantau dalam masa dua ke tiga tahun bagi memastikan kondisi mereka adalah stabil.

Kejayaan ini juga katanya, selaras dengan visi Menteri Kesihatan kita, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar untuk menjadikan NBD berdikari dalam sektor penjagaan kesihatan dan mempromosi pelancongan perubatan.

Beliau seterusnya merakamkan penghargaan yang tulus kepada pasukan AIG Hospitals Hyderabad India yang diketuai oleh Dr. Balachandran Menon, atas sumbangan berharga mereka terhadap kejayaan berkenaan.

"Kejayaan ini tidak mungkin tercapai tanpa sokongan berterusan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, yang telah memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan sektor penjagaan kesihatan negara.

"Kami juga ingin mengucapkan penghargaan kepada Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham atas sokongan, panduan dan kepimpinan Yang Berhormat dalam memajukan kemampuan perubatan di NBD," ujarnya.

Pembedahan berkenaan diketuai oleh Dr. Palat Balachandran, bersama pasukan pakar yang sangat mahir dan Visiting Consultant, Gastroenterologi and Hepatologist, JPMC, Dr. Taufique Ahmed kerana telah mempersiapkan pesakit dan penderma untuk pembedahan pemindahan berkenaan. Ini adalah satu pencapaian yang luar biasa bagi JPMC dan komuniti perubatan NBD.

Kepakaran, ketepatan, dan dedikasi yang ditunjukkan oleh pasukan yang terlibat mencerminkan standard penjagaan yang tinggi dan kejayaan berkenaan membuka jalan untuk kemajuan masa depan dalam pemindahan organ di dalam negara, yang akhirnya akan menyelamatkan lebih banyak nyawa.

Kejayaan berkenaan tidak akan mungkin tercapai tanpa sokongan berterusan daripada Kerajaan Kebawah DYMM, yang telah memainkan peranan penting dalam mengukuhkan sektor penjagaan kesihatan negara.

Pencapaian ini semakin mengukuhkan kedudukan JPMC sebagai penyedia penjagaan kesihatan terkemuka di rantau ini dan menonjolkan perkembangan peranan NBD dalam industri pelancongan perubatan global.

JPMC komited untuk membangunkan program yang lestari yang akan memberi manfaat kepada lebih ramai pesakit pada masa depan.

Dengan kemudahan canggih dan profesional terlatih tinggi, JPMC terus memajukan kecemerlangan penjagaan kesihatan, menawarkan rawatan terkini kepada pesakit tempatan dan antarabangsa.

# KELAB MOTOSIKAL KEKAL RAI ULANG TAHUN KE-19





**PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-19 Kelab Motosikal KEKAL (kiri dan kanan).**



**ANTARA yang hadir pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-19 kelab berkenaan yang berlangsung di Zake Pool and Snooker, Bangunan Central Mall Tutong.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**TUTONG**, Sabtu, 1 Februari. – Kelab Motosikal KEKAL dihasrat akan dapat berkembang dari umurnya yang ke-19 tahun dan akan dapat memberikan impak atau pengaruh yang positif kepada semua lapisan masyarakat terutama kepada belia-belia yang ada di Daerah Tutong khususnya dan di negara ini umumnya.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-19 kelab berkenaan yang berlangsung di Zake Pool and Snooker, Bangunan Central Mall Tutong, di sini.

Pada majlis berkenaan, pelancaran Kotak Tips KEKAL dan penyampaian *patches-patches* disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diteruskan lagi dengan acara memotong kek sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-19 Kelab Motosikal KEKAL dan diikuti dengan sesi bergambar ramai.

# Tamu Bulanan WARGAMAS : Bantu jana pendapatan

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**







**TIMBALAN Pengarah Urusan Tabung Amanah Pekerja (TAP), Awang Haji Ibnu Shahrinuddin bin Awang Haji Ibrahim hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Tamu Bulanan berkenaan (atas dan atas kanan). Manakala gambar atas kiri, Ketua Biro Ekonomi Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Dahri bin Haji Muntol semasa berucap.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Februari. - Pertubuhan WARGAMAS melalui Biro Ekonomi pertubuhan berkenaan menganjurkan aktiviti Tamu Bulanan WARGAMAS Kali Ke-8 bagi Tahun 2025 selama dua hari bermula hari ini dan esok.

Bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tamu Bulanan berkenaan mengambil tempat di Ibu Pejabat Pertubuhan WARGAMAS, Jalan Utama Berakas dibukakan bermula jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang.

Sehubungan dengan itu, hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Tamu Bulanan berkenaan, Timbalan Pengarah Urusan Tabung Amanah Pekerja (TAP), Awang Haji Ibnu Shahrinuddin bin Awang Haji Ibrahim.

Ketua Biro Ekonomi Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Dahri bin Haji Muntol dalam ucapannya menjelaskan, dengan adanya Tamu Bulanan Pertubuhan WARGAMAS dihasrat akan dapat menjana ekonomi ahli-ahli yang terlibat sekali gus menjana ekomoni pertubuhan berkenaan.

Menurutnya, perkataan tamu juga lebih diertikan sebagai bertemu, berjumpa, beramah mesra serta bertegur sapa dan oleh kerana itu Tamu Bulanan diadakan bagi mengeratkan dan menjalinkan hubungan silaturahim.

Tambahnya lagi, suasana ceria dan meriah pada acara berkenaan tidak akan wujud tanpa kerja keras semua pihak demi memastikan Tamu Bulanan berjalan dengan lancar.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat juga mengadakan lawatan ke petak-petak jualan Tamu Bulanan.

Pelbagai jualan diadakan termasuk Live Cook Ambuyat, Set Breakfast, cucur-cucuran, beraneka jenis makanan dan minuman, pokok hiasan dan sebagainya.

**PERKATAAN tamu juga lebih diertikan sebagai bertemu, berjumpa, beramah mesra serta bertegur sapa dan oleh kerana itu Tamu Bulanan diadakan bagi mengeratkan dan menjalinkan hubungan silaturahim.**



# 15 PELAJAR PROGRAM TARANNUM, TAJWID KOHORT KEDUA DIRAIKAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Abdul Hamid





**PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada peserta (atas kanan). Sementara gambar atas, antara pelajar yang menyertai Program Tarannum dan Tajwid Kohort Kedua.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 2 Februari. - Seramai 15 pelajar telah berjaya menamatkan Program Tarannum dan Tajwid Kohort Kedua. Pelajar-pelajar telah melalui pelbagai penilaian termasuk Ujian Syafawi (bertaranum) dan Ujian Tahriri (mengenal hukum hakam tajwid) serta praktikal dan pembentangan berkumpulan.

Sehubungan itu, Masjid Ash-Shaliheen pagi tadi menganjurkan Majlis Konvokesyen Program Tarannum dan Tajwid Kohort Kedua yang berlangsung di masjid tersebut, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta program ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Semasa berucap pada majlis berkenaan, tetamu kehormat merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada pelajar dan berharap ketekunan dan kegigihan mempelajari ilmu tajwid dan taranum akan berterusan sampai bila-bila.

Beliau juga menyatakan bahawa menerusi program ini para peserta akan dapat memanfaatkan segala ilmu yang dipelajari dalam program sekali gus akan dapat memantapkan lagi fungsi masjid sebagai pusat ilmu terutama dalam memberi kefahaman ilmu Al-Quran dengan cara pendekatan yang berkesan.

Terdahulu, Imam Masjid Ash - Shaliheen, Awang Mohammad Syariff Wafiuddin bin Jemain selaku Pengerusi Bersama Majlis mengongsikan antara kejayaan program ini adalah penyertaan beberapa peserta daripada program ini di dalam Musabaqah Belia dan Dewasa, sehingga berjaya mara hingga ke peringkat separuh akhir yang membuktikan keberanian dan keupayaan mereka.

Beliau juga menjelaskan bahawa program ini berjaya membentuk pelajar yang bermula dari asas sehingga mampu mempraktikkan lagu-lagu taranum dengan baik.

Program Tarannum dan Tajwid ini merupakan salah satu usaha murni Masjid Ash-Shaliheen untuk menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar menjadikan Al-Quran sebagai pendamping untuk dibawa ke mana saja, dibaca dan diamalkan pengajarannya.

Program ini bertujuan untuk melahirkan generasi muda yang mahir dalam seni bacaan Al-Quran serta memahami dan menghayati hukum-hakam tajwid. Kejayaan ini adalah hasil daripada komitmen dan kesungguhan para pelajar, tenaga pengajar serta sokongan padu daripada ibu bapa dan komuniti masjid.

Majlis turut diisi dengan Persembahan Taranum Al-Quran oleh pelajar program, penyampaian sijil kepada pelajar dan penyampaian hadiah kepada pelajar terbaik.

Dalam majlis ini turut disampaikan kohort ketiga bagi program ini telah dibukakan dan setakat ini, lebih daripada 40 orang telah mendaftar. Program ini akan diperhalusi dengan menambah sesi perkongsian ilmu oleh qari-qari tempatan bagi memberikan pendedahan yang lebih luas kepada peserta.

Majlis diakhiri dengan Doa Selamat dan Doa Penutup yang dipimpin oleh Tenaga Pengajar Program Tarannum dan Tajwid, Awang Ayub bin Ali.




# Ceramah Khas serikan Sambutan Israk Mikraj

Siaran Akhbar dan Foto : Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei



**ANTARA yang menghadiri Ceramah Khas bersempena memperingati Sambutan Israk dan Mikraj di Dewan Tokyo, Airport Mall, Berakas.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Februari. - Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad (IITHSB) dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB), baru-baru ini menganjurkan Ceramah Khas bersempena memperingati Sambutan Israk dan Mikraj di Dewan Tokyo, Airport Mall, Berakas.

**CERAMAH Khas bertemakan 'Sembahyang Mencerdaskan Minda' telah disampaikan oleh Ketua Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Isham bin Ismail yang mana beliau menekankan mengenai kepentingan bulan Syaaban dan memperingati peristiwa agung Israk dan Mikraj yang menjadi simbolik kepada keistimewaan ibadah sembahyang lima waktu.**

Hadir pada majlis tersebut ialah pihak pengurusan, pegawai-pegawai serta kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya.

Ceramah Khas bertemakan 'Sembahyang Mencerdaskan Minda' telah disampaikan oleh Ketua Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Isham bin Ismail yang mana beliau menekankan mengenai kepentingan bulan Syaaban dan memperingati Peristiwa Agung Israk dan Mikraj yang menjadi simbolik kepada keistimewaan ibadah sembahyang lima waktu.

Pengisian ini turut mengingatkan para hadirin tentang mukjizat perjalanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kepentingan sembahyang dalam membentuk ketakwaan dan kesejahteraan rohani.

Penganjuran majlis tahunan ini mencerminkan usaha berterusan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya dalam memperkukuhkan nilai-nilai Islam dalam organisasi serta mengeratkan ukhuwah dalam kalangan warga kerja.

Inisiatif seperti ini mencerminkan komitmen Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya dalam mewujudkan suasana kerja yang berteraskan nilai-nilai Islam dan meningkatkan kesedaran rohani dalam kalangan kakitangannya.



**KETUA Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Isham bin Ismail semasa menyampaikan Ceramah Khas.**



# 32 PESERTA TERIMA SIJIL KURSUS ASAS KEBERKESANAN PK




**SESI bergambar ramai bersama para peserta yang menyertai Kursus Asas Keberkesanan Pengawasan Kejiranan (PK) Sesi 3/2025 selama dua pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**SERIA**, Sabtu, 1 Februari. - Seramai 32 orang peserta yang menyertai Kursus Asas Keberkesanan Pengawasan Kejiranan (PK) Sesi 3/2025 selama dua hari menerima sijil pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil berlangsung di Dewan Pejabat Daerah Seria, baru-baru ini.

Para peserta terdiri daripada kakitangan kerajaan termasuk penghulu dan ketua kampung, kakitangan swasta dan orang awam yang merupakan ahli-ahli yang berdaftar di bawah Program PK di bawah tadahan Daerah Polis Kuala Belait.

Majlis penutup ini telah disempurnakan oleh Pemangku Penolong Pegawai Pemerintah Daerah Polis Kuala Belait, Timbalan Penguasa Polis Hajah Nur Haidah binti Haji Abdul Halim, yang turut menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta.

Turut hadir ialah pegawai serta anggota dari Daerah Polis Kuala Belait, manakala Unit Perhubungan Awam PPDB selaku Urus Setia Pengawasan Kejiranan PPDB dan penyelaras kursus.

Sepanjang kursus, para peserta telah diberikan taklimat dan penerangan oleh pegawai dari pelbagai jabatan di bawah PPDB serta beberapa agensi penguatkuasaan, termasuk Pejabat Peguam Negara, Jabatan Syariah, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Bahagian Keselamatan dan Kesejahteraan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kursus ini bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan pemahaman peserta mengenai aspek penguatkuasaan undang-undang, selaras dengan peranan mereka sebagai Ahli PK.

Selain itu, ia juga bertindak sebagai platform untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara PPDB dan masyarakat.

Kursus ini diharap akan menjadi pemangkin kepada pencapaian matlamat PK, iaitu memperkukuh kerjasama antara masyarakat dan PPDB dalam usaha mengesan serta mencegah jenayah di negara ini.





**PEMANGKU Penolong Pegawai Pemerintah Daerah Polis Kuala Belait, Timbalan Penguasa Polis Hajah Nur Haidah binti Haji Abdul Halim menyampaikan sijil kepada peserta (kanan). Sementara gambar kiri, sekitar taklimat berkenaan.**

# CIMIC 3Bn TDDB hulur bantuan di kawasan terjejas banjir





**ANGGOTA 3Bn TDDB membantu guru-guru dalam menyelamatkan dan mengatur buku sekolah yang tidak rosak oleh banjir (kiri sekali dan kiri).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan**

**SERIA**, Sabtu, 1 Februari. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan kerjasama Pejabat Daerah Belait bertindak segera dengan memberikan bantuan kemanusiaan dan bencana alam kepada kawasan yang terjejas oleh banjir di Daerah Belait, baru-baru ini.

Sebagai respons kepada situasi banjir tersebut, Seksyen CIMIC dari Batalion Ketiga Tentera Darat Diraja Brunei (3Bn TDDB) telah dikerahkan untuk membantu dalam pengangkutan Guru-guru Sekolah Rendah Panaga dari Pejabat Daerah Belait ke Sekolah Rendah Panaga.

Selain itu, anggota 3Bn TDDB turut membantu guru-guru dalam menyelamatkan dan mengatur buku sekolah yang tidak rosak oleh banjir.

Inisiatif ini menekankan pendekatan 'Hearts and Minds' yang diterima pakai oleh ABDB, yang bertujuan untuk mengukuhkan hubungan dan membina kepercayaan dengan komuniti setempat, terutamanya mereka yang terjejas oleh bencana alam di keempat-empat daerah.

TDDB juga akan tetap komited untuk bekerjasama dengan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) dan agensi - agensi berkaitan lain dalam mendukung Pendekatan Seluruh Negara (Whole of Nation Approach) dalam respons terhadap bencana.

Memandangkan keadaan cuaca di Negara Brunei Darussalam masih aktif dan akan terus menimbulkan risiko, seperti banjir kilat dan tanah runtuh, ABDB akan sentiasa bersiap siaga dalam menghulurkan bantuan kemanusiaan dan bencana alam kepada masyarakat awam dalam waktu yang mencabar ini.

PELITA BRUNEI

# SEKOLAH PGGMB SUNGAI AKAR SEMARAKKAN SAMBUTAN ISRAK MIKRAJ



SESI bergambar ramai pada Sambutan Israk dan Mikraj yang diadakan di Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Sungai Akar (atas). Sementara gambar bawah, antara aktiviti yang diadakan ialah Pertandingan Kuiz Israk dan Mikraj.

**Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei**

**SUNGAI AKAR**, Sabtu, 1 Februari. - Sekolah Persekutuan Guru - Guru Melayu Brunei (PGGMB), Kampung Sungai Akar tidak ketinggalan menyemarakkan dan memperingati Sambutan Israk dan Mikraj sebagai mengambil iktibar dan menghayati peristiwa agung berkenaan.

Sambutan dikelolakan oleh Bahagian Agama Sekolah PGGMB, Sungai Akar di bawah pimpinan salah seorang tenaga pengajar, Awang Shahnon bin Haji Basman, yang turut menyampaikan tazkirah ringkas mengenai sejarah peristiwa Israk dan Mikraj kepada guru-guru dan murid-murid di sekolah berkenaan.




Sambutan ini juga diisikan dengan pelbagai aktiviti bagi murid - murid menghayati Sambutan Israk dan Mikraj dengan lebih mendalam dan bermakna.

Antara aktiviti yang diadakan ialah Pertandingan Kuiz Israk dan Mikraj dalam kalangan murid Tahun 6; Pertandingan Menghafal Surah-surah Pendek bagi murid Tahun 2 (Surah Al-Fatihah), Tahun 3 (Surah Al-Masad), Tahun 4 (Surah Al-Fil) dan Tahun 5 (Surah Al- Qanah).

Sambutan murid-murid sangat menggalakkan dan semangat menghayati pendidikan Islam dan agama amatlah baik dalam kalangan para murid.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Agung PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri, yang seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang pertandingan.

Hadir sama ialah Guru Besar Sekolah PGGMB, Kampung Sungai Akar, Awang Haji Ali@ Mustapha bin Haji Talib; guru-guru dan para murid.

# Cuaca aktif diramalkan sehingga 3 Februari

**Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Februari. - Negara Brunei Darussalam pada masa ini berada di penghujung fasa separuh pertama Monsun Timur Laut, yang mana juga dikenali sebagai Musim Tengkujuh, negara lazimnya mengalami keadaan cuaca tidak menentu, dengan hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat berlaku terutamanya pada waktu malam hingga awal pagi.

Keadaan cuaca aktif diramalkan masih berterusan sehingga Isnin, 3 Februari 2025 pagi. Hujan kadangkala lebat dan berpetir dijangka berlaku sekali-sekala, menjejaskan kawasan pedalaman pada waktu petang dan berpotensi merebak ke kawasan pesisiran dan perairan pada waktu malam dan awal pagi. Kelajuan angin sehingga 50kmsj semasa atau dekat hujan.

Keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit ke sederhana, antara 0.4 sehingga 1.2 meter.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang. Keadaan laut di paras sederhana adalah berbahaya bagi operasi bot-bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Pihak BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari masa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit iaitu Brunei WX, kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperolehi dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang *www.met.gov.bn* atau melalui laman Facebook *@bruneiweather*, Instagram *@brunei.weather* dan saluran Telegram *Brunei Weather*.

## HALUAN

**>> Muka 2**

- Dan untuk memberikan elemen keseronokan dan motivasi, BruHealth kini memperkenalkan Cabaran Oyen! - Bayangkan memelihara kucing digital, di mana ia boleh memperoleh ganjaran dengan pencapaian matlamat kesihatan harian awda, dan bersaing dengan keluarga dan rakan-rakan. Tujuannya adalah agar menjadikan pengurusan kesihatan lebih menarik dan menyeronokkan bagi semua!;

- Cabaran BN on The Move pada tahun ini, insyaaAllah akan lebih besar dan lebih menarik! dan Kementerian Kesihatan mengalu-alukan penyertaan seluruh negara agar kita semua kekal aktif dan terus menjejaki langkah masing-masing.

BruHealth 5.0 bukan sekadar aplikasi - ia adalah rakan kita dalam perjalanan kesihatan. Setiap langkah, daftar masuk, dan aktiviti yang direkodkan memberikan maklumat bernilai untuk membentuk masa depan penjagaan kesihatan negara kita. Dengan integrasi Kecerdasan Buatan (AI), BruHealth akan meningkatkan penjagaan peribadi, mengoptimumkan penggunaan sumber dan menyokong pembuatan keputusan yang lebih baik. Marilah kita bersama-sama mendefinisikan semula kehidupan sihat dan terhubung di Negara Brunei Darussalam. Teruskan penggunaan aktif, teruskan mencatat langkah, dan teruskan bersama BruHealth.

Untuk mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada semua yang terlibat dalam pelancaran aplikasi BruHealth Versi 5.0 ini. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pihak berkepentingan, dari dalam dan luar kementerian ini, yang telah bekerjasama dalam menjayakan usaha-usaha kita untuk mentransformasikan kesihatan digital di negara ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua ahli jawatankuasa penganjur, para penaja dan mereka yang telah sama-sama menjayakan majlis pada pagi ini. Semoga segala usaha dan sumbangan yang murni lagi ikhlas ini, akan mendapatkan keberkatan dan ganjaran yang sebaik-baiknya daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua, *Amin*, *Amin*, *Amin*, *Ya Rabbal Alamin*.

Akhirnya dengan melafazkan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim* serta selawat dan salam ke atas Junjungan Besar nabi kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacita melancarkan aplikasi BruHealth Versi 5.0.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah*, *Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.




# مليهارا كصيحتن عقل

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤدڽ. سسڠڬوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، براوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

إسلام اداله اڬام رحمة كڤد سلوروه عالم (رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ) يڠ ممبري ڤنكانن كڤد سموا أسڤيك كهيدوڤن ترماسوقله دالم حال منجاك كصيحتن توبوه بادن، ڤمليهارأن عقل دان كصيحتن مينتل. اوليه إيت، أمت مستحق اونتوق كيت سموا مڽدري تنتڠ ڤنتيڠڽ كسدرن ترهادڤ ڤڽاكيت مينتل، مليهارا تاهڤ كصيحتن مينتل يڠ بايك دان مڠنل ڤستي ݢجلا-ݢجلا مسئله كصيحتن مينتل يڠ ممرلوكن ڤرهاتين دان راوتن.

كيت جوك ڤرلو مڠتهوي بهاوا دفينيسي كصيحتن سجارا مپلوروه تيدق هاڽ ترتومڤو كڤد كصيحتن فيزيكل سمات-مات تتاڤي توروت مرڠكومي كصيحتن مينتل. مڠيكوت تعريفن ڤرتوبوهن كصيحتن سدونيا: **"كصيحتن اداله ساتو كادأن مرڠكومي كصيحتن سجارا فيزيكل، مينتل دان سوسيال دان تيدق هاڽ كتيادأن ڤڽاكيت".**

سجارا عمومڽ، كصيحتن مينتل مڠڬمبركن تاهڤ كسجهترأن ڤميكيرن دان إيموسي سسأورڠ إنديۏيدو. مسئله كصيحتن مينتل بوكنله برمعنى ݢيلا اتاو كورڠ سيومن. كصيحتن مينتل اداله چارا مأنسي برفيكير، مراسا، بركلاكوان دان برإينترکسي دڠن اورڠ لاين.

كصيحتن مينتل امت ڤنتيڠ دبريكن ڤرهاتين. لازيمڽ سسأورڠ يڠ صيحت مينتلڽ اكن سنتياس منونجوقكن صفة-صفة ڤوسيتيف سڤرتي موده برکاول، برامه مسرا، بركيقينن تيڠڬي، بيجق مڠوروس دان برأوڤاي مڠندااليكن سسواتو مسئله سچارا بيجقسان. سباليقڽ ݢڠݢوان مينتل ميبيبكن سسأورڠ مراسا رسه، موروڠ، چلارو، كوكوڤ، چمس، تاكوت، ترتكن دان سباݢاينڽ، يڠ مڠعقيبتكن برلاكوڽ ڤروبهن سيكڤ سڤرتي برديام ديري، أڠݢن بركاول، موده ماره، هيلڠ تومڤوان سرتا هيلڠ كوارسن. جك تيدق دبندوڠ اتاو تيدق دراوت، ݢڠݢوان مينتل بوليه ممباوا كڤد تيندقن لبيه بوروق سهيڠݢ ملاكوكن ڤربواتن-ڤربواتن يڠ منجدراكن أهل كلوارك، اورڠ سكليليڠ، ماله منججسكن كهرمونين هيدوڤ برمشاركت.

انتارا ڤونچا يڠ مندوروڠ كڤد برلاكوڽ ݢڠݢوان مينتل اياله مسئله سوسيو-إيكونومي، كسمڤيتن دان بينن هيدوڤ، مڠعالمي ڤڠالمن بوروق، تردده كڤد سواسان دان ڤرسكيترن هيدوڤ يڠ تيدق برسيه دان تيدق صيحت، ترڤيڠݢير درڤد سوكوڠن كلوارك، تكنن دتمڤت كرجا، ڤڠامبيلن مينومن كراس سرتا كتاݢيهن داده، طبيعة ماكن يڠ بوروق دان كورڠ مليبتكن ديري دالم ككݢياتن-ككݢياتن ككلواركأن دان كمشاركتن.

جماعه يڠ درحمتي الله،

منوروت إسلام، كصيحتن اكن داڤت دڤليهارا دڠن بايك جك مأنسي مڠعمالكن طبيعة هيدوڤ يڠ تله دأتور دڠن بايك منوروت كتتڤن دان كهندق شرع يايت مقاصد شريعة. كصيحتن اكن ترڤليهارا جك مأنسي مڠعمالكن بوديا هيدوڤ يڠ داڤت ممبنتو ممباڠونكن ميندا دان توبوه يڠ صيحت ملالوءي منجاك ماكن مينوم دڠن باهن ماكنن يڠ سايمبڠ، تيدور دان وقتو ريحت يڠ چوكوڤ، برياضه سرتا مميليكي تيڠكه لاكو يڠ بايك.

سكل ڤرمسئلهن ڤرلو دكوڠسي دڠن ڤيهق لاين سڤرتي إيبو باڤ اتاو مريك يڠ بوليه دڤرچايإي، أݢر مسئله تيدق منجادي تكنن كڤد ديري يڠ ستروسڽ بوليه مندوروڠ كڤد كجادين يڠ تيدق دإيڠيني.

هاروس جوك دإيڠت، منجاك كصيحتن دالم إسلام بوكنله سقدر لواران سهاج تتاڤي ڤريحال دالمن (روحاني) جوك هاروس دتيتيقبرتكن. جيوا يڠ تيدق دإيسي دڠن علمو يڠ برفائده اكن تراس كوسوڠ دان أخيرڽ اكن منجاري سسواتو يڠ تيدق بايك سباݢاي مڠيسي ككوسوڠن ددالمڽ.

اوليه إيت، ڤربايقكنله عمالن يڠ بوليه مندكتكن ديري كڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ سڤرتي ممباچ القرآن، برذِكِر، منونيكن سمبهيڠ سنة، برمناجات، برڤواس، برصدقه دان بردعاء مموهون ڤرتولوڠن يڠ مها إسا. دڠن مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، هاتي اكن دڤنوهي كتنڠن دان ڤسره كڤد سكل كتنتوان دان كتتڤن. فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دالم سورة الرعد، أية ٢٨:

تفسيرڽ:

**(يايت) اورڠ-اورڠ يڠ برإيمان دان هاتي مريك تنترام دڠن ذِكْرُ الله (مڠايڠت الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ). كتهويله دڠن ذِكْرُ الله إيت هاتي منجادي تنترام.**

سلاين إيت، اڤبيل دتيمڤا مسئله، سلالوله برسڠكا بايك دڠن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ كران أوجين يڠ منيمڤا برتوجوان اونتوق مڠأوجي كإيمانن دان ڤركنتوڠن كيت كڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ سرتا ڤرچاي بهاوا اد حكمه دسباليق سسواتو كجادين.

جماعه يڠ درحمتي الله،

تكنن دان بينن هيدوڤ سسأورڠ بوليه دكورڠكن جك مشاركت مڠعمالكن صفة إحسن يڠ برسديا ممبنتو مريڠنكن بين اورڠ لاين. سباݢاي چونتوه إستري يڠ بارو ملاهيركن أنق ممرلوكن تيمڤوه ماس اونتوق كمبالي صيحت سچارا مينتل، إيموسي دان فيزيكل. كتيك إيت، ڤارا سوامي دان أهل كلوارك سڤاتوتڽ تمڤيل ممڤرموده سكل أوروسن، ترأوتما كڤرلوان إيبو دان أنق.

أنق-أنق تيدق بوليه دڤقسا اتاو دتكن اونتوق ملاكوكن ڤركارا دلوار كمڤوان دان مينت مريك، سباليقڽ أنق-أنق هندقله دبريكن بيمبيڠن اونتوق مميليه اڤ سهاج بيدڠ يڠ مريك ماهو جبوري، برأسسكن باكت، كأوڤايأن دان مينت مريك، أصلكن ممبري منفعة.

هولوركنله بنتوان كڤد مريك يڠ مڠعالمي ݢڠݢوان إيموسي دڠن منداڤتكن خدمت ڤاكر ڤساكيت مينتل، ڤاكر كاونسليڠ اتاو ستيدق-تيدقڽ ممبريكن نصيحت دان ممبنتو منڠڬكن هاتي دان ڤراسأن مريك.

جماعه يڠ درحمتي الله،

كڤنتيڠن منجاك كصيحتن جلس تربوقتي اڤبيل رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سنديري سنتياس مموهون كسمڤورنأن كصيحتن سباݢيمان حديث يڠ درواياتكن اوليه إمام أبو داود بهاوا عبدالله بن عمر رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا بركات: رسول الله تيدق منيڠڬلكن دعاء-دعاء برايكوت ڤد ستياڤ وقتو ڤتڠ دان ڤاڬي، يايت:

**اللَّهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ، اللَّهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ، فِي دِينِي، وَدُنْيَايَ، وَأَهْلِي، وَمَالِي، اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَاتِي، وَآمِنْ رَوْعَاتِي، اللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيَّ، وَمِنْ خَلْفِي، وَعَنْ يَمِينِي، وَعَنْ شِمَالِي، وَمِنْ فَوْقِي، وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي.**

**مقصودڽ:**

**يا الله اکو مموهون كسمڤورنأن كصيحتن دالم أوروسن دنيا دان أخيرة، يا الله اکو مموهون كأمڤونن دان كسمڤورنأن كصيحتن دالم أوروسن اڬام كو، دنيا كو، كلوارك كو هرتا كو. يا الله! توتوڤله عيب كو دان بريله كتنترامن ددالم هاتي كو. يا الله! جاݢله اکو دري دڤن، بلاكڠ، كانن، كيري، دان أتسكو، سرتا اکو مموهون ڤرليندوڠن دڠن كاڬوڠن مو أݢر تيدق دسمبر (دالم كادأن تيدق سدر) دري باوهكو.**

اوليه يڠ دمكين، سام-سامله كيت مڠعمالكن ݢاي هيدوڤ صيحت سڤرتي ڤنجاݢأن ڤماكانن يڠ سايمبڠ، برسنم، مڠاول تكنن ڤراسأن دان مڠهيندركن ديري درڤد ترليبت دڠن أكتيۏيتي-أكتيۏيتي يڠ نيڬاتيف دان بريسيكو. دسمڤيڠ إيت، سنتياسله بردعاء مموهون كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ أݢر كهيدوڤن كيت سنتياس دليندوڠي دان دكورنياكن كصيحتن يڠ بايك ظاهير دان باطين، آمين يا رَبَّ العالمين.

**تفسيرڽ:**

**دان توهن كامو برفرمان: "بردعاء له كڤد كو نسچاي اکو ممڤركننكن دعاء كامو. سسوڠڬوهڽ اورڠ-اورڠ يڠ مڽومبوڠكن ديري درڤد برعبادة كڤد كو اكن ماسوق نراك جهنم دالم كادأن هينا." { سورة غافر أية: ٦٠ }**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيمِ، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّائِبِينَ.**

# KUKUHKAN SEMANGAT PATRIOTIK PELAJAR





**PROGRAM Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' diadakan di Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SM RIPAS) (kiri). Manakala gambar kanan, taklimat disampaikan oleh Pemangku Ketua Cawangan Daerah Tutong, Awang Mohd. Azyzul Azman@Rosman bin Yakub.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**TUTONG**, Sabtu, 1 Februari. – Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri hari ini mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)' di Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SM RIPAS), di sini.

Seramai 96 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan menghadiri taklimat yang dikendalikan oleh Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Cawangan Daerah.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Ketua Cawangan Daerah Tutong, Awang Mohd. Azyzul Azman@Rosman bin Yakub, bertempat di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Turut hadir ialah Pengetua SM RIPAS, Dayang Hajah Adimah binti Haji Mohd. Said, berserta para tenaga pengajar.

Antara pengisian taklimat yang disampaikan ialah mengenai raja, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selain itu, para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang taklimat yang disampaikan.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara. Di samping itu, ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.






# Semai nilai solidariti, kenegaraan





**SEKITAR Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' di Sekolah Menengah Menglait Gadong (atas, kiri dan bawah kiri).**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Februari. - Seramai 168 penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Menglait Gadong (SMMG) hari ini menghadiri Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)' anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Taklimat Kenegaraan yang dikendalikan oleh Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik tersebut diadakan di Dewan Melati, SMMG.

Turut hadir ialah Timbalan Pengetua Pentadbiran, SMMG, Dayang Rina binti Ajak, dan para tenaga pengajar.

Taklimat itu disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim.

Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain mengongsikan mengenai raja, tatacara menaik kibarkan bendera negara dan sejarah lagu kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selain itu, para penuntut juga berpeluang menyertai kuiz kenegaraan bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang taklimat yang disampaikan.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagisemangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

# JERAYAWARA KENALI ASEAN PERKUKUH SEMANGAT PERPADUAN



**SESI bergambar ramai pada Jerayawara Kenali ASEAN di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam.**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Februari. - Dalam usaha untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, di sini.

Turut hadir pada taklimat berkenaan ialah Pengetua Sekolah, Dayang Hajah Norhashimah binti Haji Burut serta para tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Seramai 179 orang pelajar Tahun 8 menghadiri Taklimat Kenali ASEAN yang disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail.

Antara lain taklimat adalah untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN, ia juga usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, pada masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.

## Wanita asing ditahan, jalankan perkhidmatan kecantikan tidak berlesen

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**



**SEORANG wanita warga asing yang terlibat dalam menjalankan perkhidmatan estetik dan kecantikan tanpa kebenaran di salah sebuah hotel di negara ini.**

**BERAKAS**, Sabtu, 1 Februari. - Kementerian Kesihatan dengan bantuan dan kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan serta Jabatan Bandaran telah menjalankan sebuah operasi bersepadu dan berjaya menahan seorang wanita warga asing yang terlibat dalam menjalankan perkhidmatan estetik dan kecantikan tanpa kebenaran di salah sebuah hotel di negara ini.

Operasi sepadu tersebut dijalankan pada 30 Januari 2025 lalu berikutan maklumat yang diterima daripada orang ramai, mengenai perkhidmatan estetik dan kecantikan yang diiklankan melalui pelbagai platform media sosial termasuk TikTok, Facebook dan Instagram.

Antara perkhidmatan yang diiklankan termasuk prosedur *Intravenous dripping* (*IV dripping*) untuk memasukkan cecair, ubat-ubatan dan produk kosmetik ke dalam saluran darah bagi tujuan rawatan pemutihan kulit dan pelangsingan badan, serta rawatan *threadlifting* dan *filler* bagi tujuan pengubahsuaian badan.

Suspek telah ditahan semasa menjalankan prosedur rawatan *IV dripping* kepada pelanggannya. Pihak penguatkuasaan telah mendapati pelbagai bukti termasuk peralatan perubatan seperti jarum, picagari, kanula intravena dan set *IV drip*, beberapa ubat-ubatan dan produk kosmetik yang tidak berdaftar dan rekod pelanggan-pelanggan yang menerima rawatan.

Kementerian Kesihatan memandang serius terhadap perkhidmatan perubatan estetik dan kecantikan yang dijalankan tanpa lesen dan kelulusan yang berkelayakan. Amalan sedemikian jika dilakukan oleh individu yang tidak berkelulusan dan tidak berlesen boleh menimbulkan risiko yang serius kepada kesihatan dan keselamatan orang awam, kerana boleh menyebabkan komplikasi kesihatan yang serius, termasuk jangkitan (seperti HIV, hepatitis, dan sepsis), reaksi alahan, kerosakan organ (buah pinggang, hati, jantung, saraf, paru-paru dan saluran darah), kecacatan kekal dan juga boleh membawa kepada kematian.

Kementerian Kesihatan giat bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan untuk memastikan tindakan sewajarnya diambil terhadap aktiviti perkhidmatan penjagaan kesihatan yang disyaki bertentangan dengan peraturan dan perundangan perubatan dan kesihatan di negara ini.

Ianya adalah menjadi kesalahan di bawah Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi, Penggal 112, Undang-undang Brunei, bagi mana-mana individu yang tidak mempunyai kelayakan dan kemahiran sebagai pengamal perubatan yang disyaki menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang dihadkan pada pengamal perubatan berdaftar di negara ini.

Seterusnya, adalah menjadi kesalahan di bawah Perintah Perubatan, 2007 bagi mana-mana individu yang tidak mempunyai kebenaran dan lesen yang sah daripada Kementerian Kesihatan untuk mengimport, menggunakan dan menjual ubat-ubatan terkawal, produk kesihatan dan barangan kosmetik di negara ini, untuk digunakan bagi tujuan rawatan pelanggan.

Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai untuk tidak terpedaya dengan sebarang promosi perkhidmatan estetik dan kecantikan di laman media sosial terutama sekali oleh individu-individu yang tidak berdaftar dengan pihak autoriti perlesenan atau pengamal yang berkelayakan.

Orang ramai adalah disarankan untuk memahami risiko yang berkaitan dengan prosedur perubatan estetik dan kecantikan serta mendapatkan nasihat daripada pengamal perubatan berdaftar sebelum menjalani sebarang prosedur tersebut.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kementerian Kesihatan dalam melindungi kesihatan dan kesejahteraan orang ramai melalui pemantauan dan penguatkuasaan, orang ramai adalah digalakkan untuk melaporkan sebarang perkhidmatan rawatan estetik dan kecantikan yang disyaki tidak sah dengan menghubungi Kementerian Kesihatan di +673 2380485, e-mel ke *corp.comms@moh.gov.bn* atau Talian Darussalam 123.




**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Kesan Media Sosial Kepada Kanak-Kanak'.** Tarikh Tutup : **5 Februari 2025**
2. **'Muhasabah Diri Amalan Terpuji'.** Tarikh Tutup : **12 Februari 2025**
3. **'Semai Semangat Patriotisme'.** Tarikh Tutup : **19 Februari 2025**

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75** SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 / T / GSU/ 0 05 [JPPK / LTK / 26 / 2024]
Eight (8) Months Term Contract For The Planned Preventive Maintenance And Repair Works Of Air-Conditioning And Fire Alarm Systems For Sungai Akar Camp And Associated Facilities, Gurkha Security Unit

**Tarikh Mula Tawaran:**
3 Februari 2025

**Kelas:**
III dan Ke atas Sahaja

**Kategori:**
M01 atau KPME05

**Tempoh Penyiapan Kerja:**
Lapan (08) Bulan

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Yuran Dokumen (MINDEF SOR 2019) (Tidak Dikembalikan)** :
BND500.00 satu set (dalam bentuk CD)*

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah hari Selasa, 18 Februari 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran**:
11 Mac 2025 (Selasa)
12.00 Tengah Hari.

---

**Rujukan Tawaran :**
MINDEF / DFA / FY2024 / LB / TA / 046

Pembaikan dan Baik Pulih Kenderaan Bagi 84 Unit Kenderaan Jenis Iveco 1 Tan Kepunyaan Unit-Unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

**Yuran Tawaran :**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah lima (5) hari sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Hari **Khamis, 13 Februari 2025**.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 18 Februari 2025.
2.00 Petang.

---

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2024 / AP / TA / 01
Pembelian Kelengkapan Training Aids Technology

**Yuran Tawaran**:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 25 Februari 2025. (Jam 2.00 Petang)**

**Tarikh Tutup Tawaran** :
Selasa,
11 Mac 2025.
Jam 12.00
Tengah Hari.

---

**Iklan Tarikh Pindaan**

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / RC / 255 (5)
Supply of P.O.L (Petrol, Oil And Lubricants) and Consumable Items For The Royal Brunei Air Force – (2) Two Years Contract

**Yuran Tawaran:**
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah dilanjutkan kepada **Selasa, 18 Februari 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
11 Mac 2025.
Jam 2.00
Petang.

---

**Iklan Tarikh Pindaan**

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / RC / 160(4)
The Supply of Paints and Accessories for The Royal Brunei Air Force Aircrafts - Five (5) Years Contract

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Terakhir Pembelian Borang Tawaran Dilanjutkan Kepada **Khamis, 13 Februari 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
11 Mac 2025.
Jam 12.00
Tengah Hari.

---

**Iklan Tarikh Pindaan**

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / RC / 197 (5)
Supply Of Ration Food Packet for The Royal Brunei Armed Forces – Five (5) Years Contract

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **Selasa, 25 Februari 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
25 Mac 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

## DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Sebut Harga:**
21 / DBP / SH / 2024 - 2025

**Nama Dokumen Sebut Harga :**
Mencetak Buku Program dan Pelbagai Percetakan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025

**Harga Borang Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup :**
11 Februari 2025.

---

## JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI

**Bil. Tawaran:**
JPE / LTK / PSP / 033 / 2024

**Tajuk Kerja:**
Pengukuhan Sistem Rangkaian 11KV Di Kawasan Sinarubai, Masin, Ban Kg. Mulaut dan Sekitarnya.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
25 Februari 2025,
Jam 2.00 Petang.

**Tempat Tutup:**
"Tender Box"
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam

---

## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas :**
V & VI sahaja

**Kategori :**
KPB17 / E01 / E02

**Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :**
26 Disember 2024.

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Tidak lewat Selasa,
18 Februari 2025,
Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
25 Februari 2025,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DOR / BBA 05 / 2024

**Nama Projek:**
Pemasangan Bridge Health Monitoring System (BHMS)
Jambatan SHOAS

**Yuran Tawaran :**
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

---

## JABATAN DAERAH TEMBURONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Jawatan Kosong Sebagai**

**Ketua Kampung Tingkat I PMKK.3 (BND2,270.00 - BND4,240.00)**

**atau**

**Ketua Kampung Tingkat II PMKK.2 (BND1,990.00 - BND2,970.00)**

**atau**

**Ketua Kampung Tingkat III PMKK.1 (BND1,280.00 - BND2,270.00)**

**bagi**

**Daerah Temburong**

**Kampung Belingos, Mukim Bangar
Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi
Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Mukim Amo**

**Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh **didapati** dan **dikembalikan** ke alamat seperti berikut:-
**Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi
Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 28 Ramadan 1446 bersamaan 29 Mac 2025, Jam 4.00 Petang**.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 5221266 / 265 sambungan 116 / 118 / 119 atau +673 5221110.

**Kampung-Kampung Tadahan Jawatan Kosong Ketua-Ketua Kampung, Daerah Temburong**

1.**Ketua Kampung Belingos, Mukim Bangar**
- Kampung Belingos
- Pekan Bangar
- Kampung Subok
- Kampung Bang Bulan
- Kampung Lagau
- Kampung Piungan

2.**Ketua Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi**
- Kampung Selapon
- Kampung Lamaling
- Kampung Sekurop
- Kampung Rebada
- Kampung Simbatan

3.**Ketua Kampung Selangan, Parit Dan Biang Menengah, Mukim Amo**
- Kampung Selangan
- Kampung Parit
- Kampung Sibulu
- Kampung Biang Menengah
- Kampung Belaban

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah Dan Program Harapan**

**MOE / LTK / 106 / 2024 / 2025 [DA(BPPA-JAN-2025)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1.Sekolah Rendah Panglima Berudin, Limau Manis
2.Sekolah Rendah Masin
Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara.
Kod Blok : SM / 23
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**MOE / LTK / 107 / 2024 / 2025 [DA(BPPA-JAN-2025)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1.Sekolah Rendah Bebuloh
2.Sekolah Rendah Kasat
3.Sekolah Rendah Putat
4.Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Menunggol
5.Sekolah Rendah Tanjong Kindana
Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara.
Kod Blok : SM / 27
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**MOE / LTK / 108 / 2024 / 2025 [DA(BPPA-JAN-2025)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Makan Bagi :
1.Sekolah Rendah Panchong
2.Sekolah Rendah Benutan
Kementerian Pendidikan, Daerah Tutong.
Kod Blok : MKN / 03
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi MOE / LTK / 106 / 2024 / 2025 Hingga MOE / LTK / 108 / 2024 / 2025 :**
BND50.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 109 / 2024 / 2025 [DA(BPPA-JAN-2025)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1.Sekolah Rendah Berakas Garrison
2.Sekolah Rendah Pantai Berakas
Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara.
Kod Blok : SM / 08
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**MOE / LTK / 110 / 2024 / 2025 [DA(BPPA-JAN-2025)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Makan Tengah Hari Secara Tapau Bagi Program Harapan :
1.Sekolah Rendah Lamunin
2.Sekolah Rendah Rambai
Kementerian Pendidikan. Daerah Tutong.
Kod Blok : PH/T5
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi MOE / LTK / 109 / 2024 / 2025 Dan MOE / LTK / 110 / 2024 / 2025 :**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 111 / 2024 / 2025 [DA(BPPA-JAN-2025)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan :
1.Sekolah Rendah Pintu Malim
2.Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin, Sg Besar
3.Sekolah Rendah Batu Marang
Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara.
Kod Blok : PH / ST3
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi MOE / LTK / 111 / 2024 / 2025 :**
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Tutup Dan Waktu :**
4 Februari 2025
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

**1. DA / JKSH / 176 / 2024 / 2025 [BPPA-FEB-2025]**
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Pg Anak Puteri Besar, Sungai Kebun
2. Sekolah Rendah Sungai Siamas
Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara.
KOD BLOK : SM/04
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**2. DA / JKSH / 177 / 2024 / 2025 [BPPA-FEB-2025]**
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi
Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin,
Kg. Perpindahan Mentiri
Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara.
KOD BLOK : SM/33
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**3. DA / JKSH / 178 / 2024 / 2025 [BPPA-FEB-2025]**
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi
Sekolah Rendah Rimba I, Kg. Perpindahan Rimba
Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara.
KOD BLOK : SM/34
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**4. DA / JKSH / 179 / 2024 / 2025 [BPPA-FEB-2025]**
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi
Sekolah Rendah Katok, Tungku, Kg. Tungku
Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara.
KOD BLOK : SM/38
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**5. DA / JKSH / 180 / 2024 / 2025 [BPPA-FEB-2025]**
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Sungai Liang
2. Sekolah Rendah Lumut
Kementerian Pendidikan. Daerah Belait.
KOD BLOK : SM/50
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**6. DA / JKSH / 181 / 2024 / 2025 [BPPA-FEB-2025]**
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi
Sekolah Rendah Sungai Tali, Kuala Belait
Kementerian Pendidikan. Daerah Belait.
KOD BLOK : SM/54
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**7. DA / JKSH / 182 / 2024 / 2025 [BPPA-FEB-2025]**
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi
Sekolah Rendah Katok B
Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara.
KOD BLOK : SM/59
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**Bayaran Yuran Sebut Harga :**
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu :**
Sabtu, 15 Februari 2025
(Jam 9.00 Pagi)

**MOE / LTK / 104 / 2024 / 2025 (JPPE-JAN-2025)**
Design, Supply, Install, Testing and Commissioning of Fire Protection Systems and Related Works to Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong, Ministry of Education, Negara Brunei Darussalam.

**Kelas :**
Tidak Terhad
(Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

**Kategori :**
KPME05 & E01 Sahaja

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
5 Februari 2025. (Rabu)
Jam 2.45 Petang.

**Tarikh Tutup Dan Waktu :**
11 Februari 2025 - Selasa.
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

**MOE / LTK / 105 / 2024 / 2025 (JPPE-JAN-2025)**
Upgrading And General Repair Works To Flat Class C [PJN654] PJN Pengiran Haji Abu Bakar, Belait District, Brunei Darussalam.

**Kelas :**
IV atau V
(Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

**Kategori :**
B01, E01

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**
BND100.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
5 Februari 2025. (Rabu)
Jam 2.45 Petang.

**Tarikh Tutup Dan Waktu :**
11 Februari 2025 - Selasa.
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

## PUSAT SEJARAH BRUNEI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Sebut Harga:**
3 / JANUARI / 2025 / PSB / PD.575:

Mengubah Suai dan Mencetak Perisian Galeri Era Kegemilangan Brunei, Pusat Sejarah Brunei

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 6 Februari 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Bilangan Sebut Harga:**
2 / Januari / 2025 / PSB / PD.575:

Pembekalan, Penggantian dan Pemasangan Alat Penghawa Dingin Di Pusat Sejarah Brunei dan Bahagian Pusat Pengkajian Borneo, Pusat Sejarah Brunei

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 6 Februari 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Sebut Harga** : KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN / 5 / 2024 - 2025

**Tajuk Sebut Harga:**
Mengendalikan Perkhidmatan Kantin Selama Dua (2) Tahun Di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

**Tarikh Tutup Sebut Harga** :
6 Februari 2025, Khamis, Jam 2.00 Petang.

**Tarikh Taklimat** (Jika Berkenaan):
30 Januari 2025, Khamis, Jam 9.00 Pagi.

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga** :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Bilangan Sebut Harga :**
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN / 4 / 2024-2025

**Tajuk Sebut Harga**:
Membekalkan Pakaian Seragam Bagi Sambutan Hari Kebangsaan Yang Ke-41, Tahun 2025.

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
6 Februari 2025.
Khamis,
Jam 2.00 Petang.

**Tarikh Taklimat (Jika Berkenaan)**:
23 Januari 2025.
Khamis,
Jam 9.00 Pagi.

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga** :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN]**
**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**
**Negara Brunei Darussalam**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Tawaran:**
11 / DISEMBER / KKBS / BKBN / 1.40 / 24

**Tajuk Tawaran:**
Pembekalan Serta Penghantaran Keperluan Peralatan Kesihatan Bagi Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara

**Tarikh Tutup :**
Khamis,
6 Februari 2025.

**Bil. Sebut Harga:**
JAPEM / 2025 / CLEANCUTPPS-SUBOK / PMK.PWS SW1SRI

**Perkara:**
12 Months Contract For Cleaning & Grasscutting At Pusat Penempatan Sementara Belimbing Subok, Simpang 564, JAPEM.

**Tarikh Tutup :**
Khamis,
13 Februari 2025.

**PERATURAN PENGIKLANAN**
**(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :
E-MEL :
**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
**+673 2383400**
**sambungan Meja Iklan**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan Sebut Harga:**
KKWE / SDT / Q / 2025 - 3

**Tajuk Sebut Harga :**
Pembelian Kelengkapan Keselamatan Personal Protective Equipment (PPE) Unit Sukatan dan Timbangan (SDT)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Sabtu,
8 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.

**Yuran Sebut Harga:**
Percuma

**JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Pemberitahuan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0056 / 2024

**Tajuk Sebut Harga:**
To Supply, Delivery, Installation, Testing and Commissioning of Ultra Low Freezer for Aquatic Animal Health Laboratory Services Center, Department of Fisheries

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0057 / 2024

**Tajuk Sebut Harga:**
Technical Service for Supply and Delivery, Preventive Maintenance and Part Replacement on Fume hood And Biohazard Safety Cabinets in Accordance to Manufacturer's Specification

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
6 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.

**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Tajuk dan Bilangan Tawaran :**
Term Contract For Twelve (12) Months Maintenance Of External Piping And Associated Works At Department Of Civil Aviation - FSOR
AME / 2024-2025 / SH-52 / R
(Kelas I atau II ke atas)

**Tajuk dan Bilangan Tawaran :**
Kontrak Bermusim Kerja-Kerja Landskap di Kawasan Airside Whiskey 1, Whiskey 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Bagi Tempoh 12 Bulan
AME / 2025-2026 / SH-01
(Kelas II atau ke atas)

**Tajuk dan Bilangan Tawaran :**
Kontrak Bermusim Kerja-Kerja Landskap di Kawasan Airside Whiskey 3, Whiskey 4, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Bagi Tempoh 12 Bulan
AME / 2025-2026 / SH-02
(Kelas II atau ke atas)

**Tajuk dan Bilangan Tawaran :**
Term Contract For One (1) Year Road Repair Works To Runway, Taxiway, Apron And Access Roads At Brunei International Airport - FSOR
AME / 2025-2026 / SH-03
(Kelas II atau ke atas)

**Tajuk dan Bilangan Tawaran :**
Supply Of Roadline Paint And Other Accessories For Runway, Taxiway, Apron And Access Road At Brunei International Airport
AME / 2025-2026 / SH-04
(Kelas I dan ke atas)

**Tajuk dan Bilangan Tawaran :**
Kontrak Bermusim Bagi Kerja-Kerja Pemotongan Rumput Bagi Bangunan Kejuruteraan Dan Pemeliharaan Aset Bagi Tempoh Dua (2) Tahun
AME / 2025-2026 / SH-05

**Tarikh iklan / mengambil dokumen tawaran:**
Rabu,
22 Januari 2025.

**Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran :**
Selasa,
11 Februari 2025.

**Tarikh tutup tawaran:**
Rabu,
12 Februari 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Kepada:**
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Seksyen Kewangan
Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

**JPH**
**JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Tawaran:**
**JPH / 1207-003 / TAW / 394 / 2024-2025**
Membekal Anak Benih Hutan Bagi Projek Penghijauan di Zon A, Hutan Simpan Berakas Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas II ke atas dalam Sub-Kategori KPB12 - Landskap

**Tawaran:**
**JPH / 1207-003 / TAW / 395 / 2024-2025**
Projek Penghijauan Di Zon A, Hutan Simpan Berakas Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas II ke atas

**Borang Pendaftaran Syarikat (jika belum berdaftar):**
BND10.00

**Borang Tawaran:**
BND15.00

**Yuran Tawaran:**
**JPH / 1207-003 / TAW / 394 / 2024-2025**
Membekal Anak Benih Hutan Bagi Projek Penghijauan Di Zon A, Hutan Simpan Berakas – BND105.00

**JPH / 1207-003 / TAW / 395 / 2024-2025**
Projek Penghijauan Di Zon A, Hutan Simpan Berakas – BND105.00

**-Tidak Dikembalikan-**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Sabtu, 18 Februari 2025.
2.00 Petang.

# IMBASAN MINGGUAN



SEBAHAGIAN mereka yang hadir mendengar Ceramah Khas sempena Sambutan Israk dan Mikraj 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Masjid Az-Zakireen Meragang. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



ANTARA yang hadir pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.



SEKUMPULAN pelajar dari Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat (EDGE) begitu khusyuk melihat pelbagai jenis buku yang dipamerkan. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



ANGKATAN Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei Darussalam dengan kerjasama Badan Bahasa dan Sastera (BAHASA), Sabah semasa mengungkayahkan Bengkel Penulisan Puisi Esei bertempat di Balai Sarmayuda Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



PUSAT Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Bengkurong mengadakan pelbagai aktiviti termasuk Persembahan Tarian Singa dari Unity Charity Association bagi 200 kanak-kanak bersama ahli keluarga pada majlis yang berlangsung di dewan pusat berkenaan. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

# LCB SERTAI YOUNG CHEF OLYMPIAD 2025




**PELAJAR Diploma Seni Kulinari Level 2, Dayang Nur Hayani Afifah binti Mohammad mewakili Kolej Perniagaan Laksamana akan menyertai pertandingan berprestij Young Chef Olympiad 2025.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Perniagaan Laksamana**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Februari. - Kolej Perniagaan Laksamana (LCB) akan menyertai pertandingan berprestij Young Chef Olympiad (YCO) 2025, yang dijadualkan bermula 2 hingga 7 Februari 2025 di enam bandar di India.

Mewakili LCB ialah pelajar Diploma Seni Kulinari Level 2, Dayang Nur Hayani Afifah binti Mohammad; diiringi dua orang mentor, Awang Alif Zulfitri bin Awang Haji Hassan dan Dayang Norfadhilah binti Md. Yahya dan ditaja sepenuhnya oleh pihak kolej.

YCO yang terkenal sebagai olimpik kulinari terhebat di dunia, menghimpunkan bakat kulinari muda dari lebih 50 negara, yang dinilai oleh 25 panel hakim antarabangsa.

Platform global ini menawarkan peluang kepada bakal cef untuk mempamerkan kemahiran mereka, bertukar-tukar amalan budaya masakan dan memupuk persahabatan antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam (NBD) berada dalam Kumpulan 'A', dengan pusingan pertama pertandingan dijadualkan berlangsung di Goa, India.

Kumpulan ini terdiri dari India, England, NBD, Ethiopia, Armenia, Kenya, Ireland, Botswana, Oman dan Amerika Syarikat.

Selepas pusingan awal, peserta yang layak akan mara ke Kolkata untuk pusingan akhir, bersaing dalam cabaran Dr. Suborno Bose dan Plate Trophy Final.

Acara akan dimulakan dengan majlis pembukaan di Goa dan pusingan awal pertandingan akan berlangsung di lima bandar iaitu Goa, Delhi, Pune, Hyderabad, dan Bengaluru.

Seramai 10 peserta terbaik akan mara ke pusingan akhir di Kolkata, manakala yang lain akan bersaing untuk 'Plate Trophy' dan Cabaran Antarabangsa Masakan Dr. Bose.

Dianjurkan oleh International Institute of Hotel Management (IIHM) dan International Hospitality Council (IHC) London, acara global berprestij ini bertujuan untuk mempamerkan bakat kulinari muda, memupuk kerjasama antarabangsa dan mempromosikan kemampanan dalam industri hospitaliti di bawah tema: '2025 – Save the World! Sustainablity + Ingenuity'.

Penyertaan LCB menekankan komitmennya untuk menyediakan pelajar dengan pendedahan antarabangsa dan peluang untuk cemerlang dalam seni kulinari. Pelajar yang dipilih akan bersaing dengan rakan sebaya di seluruh dunia, menunjukkan kehebatan dan kreativiti kulinari mereka.

Sementara mentor yang mengiringi akan memberikan bimbingan dan sokongan, memastikan peserta sudah bersedia untuk menghadapi cabaran yang mendatang.

Ketua Pegawai Operasi dan Timbalan Pengetua LCB, Dr. Sivarajah Subramaniam berbangga kerana LCB mewakili NBD pada YCO 2025 yang berprestij itu.

Menurutnya, peluang ini membolehkan pelajar kami bersaing di peringkat antarabangsa, mendapat pendedahan yang tidak ternilai, dan mempamerkan standard tinggi pendidikan masakan LCB. Ia adalah bukti komitmen LCB terhadap kecemerlangan dan inovasi dalam latihan hospitaliti.

"Kami sangat teruja untuk menyokong perjalanan pelajar kami ke YCO. Pengalaman ini sejajar dengan misi kami untuk memupuk kecekapan dan kecemerlangan global pelajar kami. Kami percaya pendedahan ini tidak ternilai dalam pembangunan profesional mereka," ujar Ketua Pemasaran LCB, Aiman Jefri.

"Kami sangat berbangga untuk mewakili NBD di platform antarabangsa yang berprestij ini. Ini adalah peluang yang hebat untuk pelajar kami bersaing dengan cef muda terbaik di seluruh dunia, menimba pengalaman yang tidak ternilai dan membawa pengiktirafan antarabangsa kepada senario kulinari Brunei yang semakin berkembang," tambah beliau.

Pertandingan berkenaan berfungsi sebagai tempat memperkaya budaya, membolehkan para peserta menjalin rangkaian, bertukar-tukar idea masakan dan mempamerkan bakat unik mereka.

Ia bukan sahaja menilai kemahiran teknikal tetapi juga menggalakkan pendekatan yang mampan dan inovatif terhadap kulinari.

Penyertaan LCB dalam YCO 2025 mencerminkan komitmen institusi untuk menyediakan pelajar dengan pendedahan global dan melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk cemerlang dalam industri kulinari yang kompetitif.

# Jumlah perdagangan November 2024 meningkat 11.6 peratus










**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Februari. - Jumlah perdagangan bagi November 2024 meningkat sebanyak 11.6 peratus kepada BND1,877.4 juta, berbanding Oktober 2024.

Peningkatan berkenaan adalah disumbangkan oleh nilai eksport sebanyak BND1,153.3 juta dan import berjumlah BND724.1 juta.

Penyumbang utama kepada nilai eksport adalah bahan api galian sebanyak 79.2 peratus, diikuti oleh bahan kimia sebanyak 16.8 peratus dan barang-barang keluaran kilang sebanyak 2.2 peratus.

Pasaran eksport utama adalah Australia sebanyak 22.7 peratus, diikuti oleh Republik Rakyat China dan Malaysia, masing-masing sebanyak 14.8 peratus dan 11.9 peratus. Komoditi eksport terbesar ke negara-negara berkenaan adalah bahan api galian dan bahan kimia.

Manakala import pada November 2024 bernilai BND724.1 juta. Tiga komoditi import utama adalah bahan api galian, menyumbang sebanyak 62.9 peratus, diikuti oleh jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak 11.2 peratus dan makanan sebanyak 9.7 peratus.

Sumbangan terbesar rakan dagangan import adalah dari Malaysia sebanyak 32.8 peratus, diikuti oleh Emiriah Arab Bersatu sebanyak 14.1 peratus dan Arab Saudi sebanyak 14.0 peratus. Komoditi import utama daripada rakan dagangan adalah bahan api galian, makanan dan bahan kimia.

Berbanding Oktober 2024, imbangan perdagangan pada November 2024 menurun sebanyak 3.4 peratus, didorong oleh peningkatan import sebanyak 17.0 peratus.

Import bagi kategori penggunaan akhir, terutamanya digunakan sebagai pemprosesan barangan perantaraan sebanyak 58.6 peratus, diikuti oleh barangan modal bagi operasi perniagaan sebanyak 37.5 peratus dan barangan penggunaan bagi kegunaan isi rumah sebanyak 3.9 peratus.

Laporan Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa bagi November 2024 boleh didapati melalui laman sesawang Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di *https://deps.mofe.gov.bn*.



# PELAJAR JIS RAIH MARKAH TERTINGGI TERIMA OPLA




**PARA pelajar yang menerima markah tertinggi di Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama Pengetua Eksekutif JIS, Nicholas Sheehan.**

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong

**JERUDONG**, Sabtu, 1 Februari. - Berikutan keputusan cemerlang yang dicapai oleh pelajar-pelajar Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) pada Peperiksaan IGCSE dan 'A' Level 2024, Pearson Education menganugerahkan 13 Anugerah Cemerlang Pearson Learner (OPLA) kepada tujuh pelajar kerana menerima markah tertinggi di Negara Brunei Darussalam (NBD) baru-baru ini.

Setiap tahun, OPLA ini disampaikan kepada pelajar Pearson Edexcel, yang menduduki mana - mana kelayakan Pearson semasa siri peperiksaan, yang berjaya mencapai markah mata pelajaran tertinggi di negara mereka, di rantau ini malah di dunia.

Penerimaan salah satu daripada anugerah ini menunjukkan prestasi pelajar yang cemerlang di antara beribu-ribu pelajar lain yang telah mengambil subjek yang sama di negara mereka dan di seluruh dunia.

Mintong Li memperoleh markah tertinggi di NBD untuk lima subjek Peperiksaan IGCSE: Kimia, Ekonomi, Bahasa Inggeris A, Kesusasteraan Inggeris dan Fizik, diikuti Dhanushan Chinniah mencapai markah tertinggi untuk dua subjek Peperiksaan IGCSE: Further Pure Mathematics dan Geografi manakala Isaac Chang memperoleh markah tertinggi untuk dua subjek Peperiksaan IGCSE: Biologi dan Ekonomi.

Sementara empat pelajar mencapai markah tertinggi untuk satu subjek Peperiksaan IGCSE atau 'A' Level setiap seorang: Justin Deng (A Level Mathematics), Abdul Mateen El-Waliy bin Fakhruddin (IGCSE Mathematics A), Clare Lee (IGCSE History) dan Toby Stevens (IGCSE Sains - Anugerah Berganda).

Pengetua Eksekutif JIS, Nicholas Sheehan menzahirkan rasa bangga dengan pencapaian luar biasa para pelajar yang mencerminkan dedikasi dan ketabahan mereka. Keputusan ini sudah pasti akan membuka jalan untuk perjalanan akademik mereka pada masa hadapan, sama ada mereka melanjutkan pelajaran di JIS atau meneruskan di universiti. Beliau turut mengucapkan tahniah kepada pelajar, keluarga dan guru mereka atas usaha dan kejayaan yang luar biasa.

# Ubah tabiat makan untuk kekal sihat




**MERANCANG menu sihat yang akan dimasak sepanjang minggu atau bulan antara inisiatif bagi meningkatkan gaya hidup yang sihat.**

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Februari. - Masyarakat umumnya mengetahui bahawa pengambilan makanan segera dan berproses secara berlebihan boleh mengundang pelbagai penyakit kronik termasuk diabetes dan tekanan darah tinggi.

Pelbagai inisiatif telah dibuat oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Kesihatan bagi meningkatkan kesedaran dan menggalakkan orang ramai untuk menjalani gaya hidup sihat antaranya melalui pengambilan makanan yang sihat.

Walau bagaimanapun, ramai yang masih mengalami kesukaran untuk mengubah tabiat pemakanan atas beberapa alasan dan halangan.

Salah satu cabaran yang perlu dihadapi untuk mengubah pemakanan yang baik bagi kesihatan adalah kekangan masa untuk menyediakan sendiri hidangan sihat terutama bagi mereka yang sibuk dengan urusan harian dan pekerjaan.

Antara langkah yang boleh dilakukan bagi menangani cabaran ini adalah dengan merancang lebih awal menu sihat yang akan dimasak sepanjang minggu atau bulan.

Pada masa ini, pelbagai resipi makanan sihat dan ringkas dapat diperoleh melalui internet yang dapat memenuhi cita rasa setiap individu.

Langkah tersebut serta perancangan yang terperinci dengan mencatat resipi dan bahan masakan dapat menjimatkan wang kerana ia membantu kita mengatur perbelanjaan barang dapur serta mengelakkan pembaziran.

Selain itu, mengurangkan penyimpanan stok makanan yang kurang sihat seperti ais krim, mi segera dan coklat dapat membantu mengubah persekitaran kita ke arah lebih sihat.

Stok makanan berkenaan boleh diganti dengan makanan atau snek lebih sihat seperti bijirin mil penuh dan buah-buahan yang disimpan di tempat yang mudah untuk diambil.

Perkara paling penting dalam mengubah tabiat pemakanan adalah kekal konsisten dengan amalan sihat yang mampan untuk jangka masa panjang.

Tetapkan matlamat yang realistik dan tidak begitu membebankan kerana gaya hidup sihat bukan hanya untuk diamalkan sebulan dua tetapi seumur hidup.

# Keputusan Peperiksaan SPB November 2024 dikeluarkan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

**BERAKAS**, Ahad, 2 Februari. – Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan sukacita memaklumkan bahawa keputusan Peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei (SPB) - November 2024 telah pun dikeluarkan.

Calon-calon yang telah menduduki peperiksaan berkenaan boleh mengambil slip atau sijil masing-masing di Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat Kementerian Pendidikan semasa waktu bekerja, iaitu pada Isnin hingga Khamis mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan jam 1.30 petang hingga 3.00 petang, manakala Sabtu, mulai jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.



Belia Berwawasan




# Minat kepada masakan dorong wujudkan Seven Sporks

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Ihsan Seven Sporks

USIA bukanlah penghalang bagi setiap individu untuk menceburi bidang perniagaan walaupun perlu bermula dari bawah.

Namun, ia juga perlu diiringi dengan usaha, semangat dan kesungguhan bagi menghadapi jatuh bangun dalam dunia perniagaan yang merupakan asam garam buat setiap usahawan.

Minat mendalam terhadap bidang masakan dan kecergasan mendorong Abdul Syafiq Iqbal bin Abdul Manap, 32 tahun, menjalankan perniagaan makanan sihat sejak tahun 2018.

Pengasas dan Pengurus Seven Sporks ini berkata, idea untuk memulakan perniagaan tersebut tercetus selepas mendapat permintaan daripada seorang pelanggan bagi menyediakan makanan sihat.

Berbekalkan sijil dan kemahiran dalam bidang nutrisi sukan serta masakan, beliau mula menjalankan perkhidmatan Meal Plan and Delivery yang ekslusif kepada 30 pelanggan sahaja dengan pelan harga premium bagi tempoh seminggu.

"Perniagaan ini kemudian semakin berkembang dengan menawarkan perkhidmatan kepada orang ramai selepas kami menghadiri kursus-kursus keusahawanan yang dikendalikan oleh DARe, selain meningkatkan usaha dalam mengembangluaskan idea dan mengekalkan jenama saya dalam industri ini dan Alhamdulillah, tercapai. Siapa sangka Seven Sporks sudah pun menjadi salah satu jenama dikenali ramai (*household name*) di negara ini," katanya semasa ditemu bual Pelita Brunei.

Selepas lapan tahun berkecimpung dalam dunia perniagaan yang pada awalnya diusahakan dari rumah, Seven Sporks kini telah menyebarluaskan sayapnya hingga membuka tiga buah cawangan di Jerudong Park Food Court (yang baharu), Gadong dan Supa Save Seria.

Selain itu, Seven Sporks bukan saja menumpukan jualan secara *walk-in* dan dalam talian tetapi juga pengedaran dan pembekalan makanan beku, sos botol serta pelbagai serbuk perasa.

Menjadikan atlet seni bela diri campuran (MMA) dari Dagestan, Khabib Nurmagomedov, yang juga merupakan bekas juara Ultimate Fighting Championship (UFC) bagi Kategori Lightweight sebagai inspirasi, Abdul Syafiq Iqbal berkata, beliau mencari inspirasi daripada pelbagai sudut terutama daripada individu yang telah mencapai kejayaan dan memiliki mental yang kuat sama ada dalam bidang usahawan, sukan atau kraf.

"Khabib menunjukkan saya makna kesetiaan kepada keluarga dan agama serta konsisten dalam pekerjaan dan sentiasa memberikan 100 peratus dalam apa sahaja perkara saya lakukan. Faktor ini, selain sokongan keluarga dan kemahuan untuk berjaya, memberikan saya motivasi untuk melangkah lebih jauh," jelas beliau.

Beliau melahirkan harapan agar Seven Sporks dapat menjadi salah satu *establishment* yang menawarkan menu sihat terbesar sama ada di dalam mahupun luar negara.

"Saya ingin menunjukkan bahawa kita mampu mencapai apa saja yang kita mahu asalkan kita ada kesungguhan. Tidak semua perniagaan perlu bermula dengan modal yang besar. Kita cuba untuk berusaha melakukan sesuatu dengan terbaik dan apabila peluang telah tiba, kita berikan usaha seratus peratus," ujarnya.

Selain itu, beliau juga berharap agar dapat sama-sama menyumbang dalam mengurangkan pengangguran di negara ini melalui peluang pekerjaan yang semakin meluas.

"Kami telah membuktikan bahawa kami mampu memberikan saingan (dalam industri makanan dan minuman) walaupun produk kami menjurus kepada makanan sihat yang mungkin pada suatu ketika tidaklah begitu popular. Namun, dengan inovasi rasa makanan kami yang tersendiri membuatkan orang ramai di luar sana gemar dan senang dengan pendekatan yang kami bawa. Misi kami ialah 'Bringing Health and Flavour Together One Bite at A Time'," katanya.

Dalam pada itu, beliau mengakui bahawa menjalankan perniagaan bukanlah mudah dan tidak semua orang mampu untuk menjadi seorang usahawan.

Walau bagaimanapun, beliau menyarankan belia yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan untuk tekun dan sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu.

"Jadi inovatif, fokus dan cari jalan untuk berjaya. Dunia peniagaan memang penuh dengan liku dan cabaran yang perlu ditempuhi. Oleh itu, kita perlu sentiasa bertawakal, membuat yang terbaik dan *hope for the best*. InsyaaAllah, semuanya bergantung kepada rezeki," katanya.

سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING
SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR
BARU



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP
× Permohonan tidak akan diproses.
× Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.
Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja
Status
TIDAK DIPERAKUKAN

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR
× Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul.
sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
× Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan.
Sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
× Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap.
memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
× Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

⚠ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.
✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



# CBDRM memperkasa masyarakat menghadapi risiko bencana

**Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim**
**Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan**

**NEGARA** ketika ini berdepan dengan keadaan cuaca yang tidak menentu, kadang kala hujan, ada ketikanya hujan berpetir dan berangin kencang. Keadaan cuaca sedemikian setentunya boleh mencetuskan risiko bencana yang sekali gus menjejaskan masyarakat di sekeliling. Dalam hal ini, orang ramai perlu memiliki pengetahuan ketika menghadapi apa jua risiko bencana di kawasan masing-masing agar mereka dapat menangani apa jua kemungkinan dengan penuh persediaan.

### Pengurusan risiko bencana

Ke arah memberikan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan masyarakat akan pentingnya mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menghadapi kemungkinan bencana, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) melalui Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Masyarakat (Community-Based Disaster Risk Management - CBDRM) mengambil inisiatif dengan membuat pendekatan yang menekankan penglibatan aktif masyarakat dalam mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko bencana di kawasan mereka. Pendekatan ini memberi keutamaan kepada pengurangan risiko bencana melalui pemerkasaan masyarakat dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi sebarang kemungkinan bencana. Selain meningkatkan kesedaran masyarakat, CBDRM juga memastikan tahap kesiapsiagaan yang lebih mantap.

### Tujuan CBDRM

CBDRM bertujuan mewujudkan masyarakat yang lebih berdaya tahan terhadap bencana serta mampu bertindak balas dengan cepat dan berkesan dalam situasi kecemasan atau sebarang kejadian bencana. Terdapat dua aktiviti utama di bawah CBDRM yang dilaksanakan setiap tahun dengan kerjasama agensi-agensi berkepentingan dalam pengurusan bencana di Negara Brunei Darussalam (NBD) iaitu Taklimat CBDRM dan Program CBDRM.

### Taklimat CBDRM

Taklimat CBDRM merupakan sesi penerangan khusus mengenai Program CBDRM yang disampaikan kepada masyarakat di negara ini. Taklimat ini mula diadakan pada tahun 2024 dan dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali sebulan (12 kali dalam setahun), dengan sasaran 100 peserta terdiri daripada para pegawai serta kakitangan agensi kerajaan dan bukan kerajaan di negara ini. Selain untuk memupuk kesedaran tentang risiko bencana dan meningkatkan kesiapsiagaan serta tindak balas masyarakat terhadap bencana, taklimat juga bertujuan untuk menggalakkan peranan aktif masyarakat dalam mengurangkan kesan serta risiko bencana terutama di kawasan masing-masing.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 13 sesi Taklimat CBDRM telah berjaya dilaksanakan dengan sokongan dan kerjasama dari agensi-agensi berkenaan, iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Daerah Temburong, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Jabatan Daerah Belait, Jabatan Buruh, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Daerah Tutong, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, Jabatan Penjara dan Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan serta Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

### Program CBDRM

Program CBDRM pula merupakan projek tahunan NDMC sejak tahun 2010 yang diadakan di mukim-mukim terpilih dengan kerjasama Jabatan Daerah serta agensi-agensi berkepentingan dalam pengurusan bencana. Program ini dilaksanakan dua kali dalam setahun yang menyasarkan penyertaan seramai 50 orang penduduk mukim terpilih termasuk penghulu mukim, ketua-ketua kampung, Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta golongan wanita dan belia kampung.

Pada tahun 2024, sebanyak dua Program CBDRM telah berjaya dianjurkan di Mukim Gadong 'A' dan di Mukim Kuala Belait dengan sokongan dan kerjasama agensi-agensi berkenaan terutama Jabatan Daerah dan pemimpin akar umbi di negara ini.

Program ini bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat mengenal fungsi dan peranan NDMC serta agensi-agensi berkepentingan dalam pengurusan bencana seperti Jabatan Daerah, JBP, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Pejabat Perubahan Iklim Brunei Darussalam dan lain-lain. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan masyarakat agar lebih peka terhadap risiko bencana dan sentiasa bersedia dengan mengambil tindakan betul dan selamat. Ini selaras dengan usaha membentuk masyarakat yang lebih berdaya tahan terhadap bencana.

Pelaksanaan program ini melibatkan beberapa aktiviti interaktif, antaranya Taklimat Pengurusan Risiko Bencana Table-Top Exercise (TTX), Pemetaan Bahaya melalui Town Watching dan Demonstrasi Pencegahan dan Keselamatan yang merangkumi latihan asas mencegah dan memadam kebakaran, teknik menyelamat serta asas pertolongan cemas.

Sebagai langkah ke arah masyarakat yang lebih bersiap sedia, program ini turut menggalakkan masyarakat untuk mengambil inisiatif secara kolektif dalam mengenal pasti serta mengurangkan risiko bencana. Melalui ilmu yang diperoleh dari program ini diharapkan masyarakat bukan sahaja dapat melindungi diri sendiri tetapi juga membantu keluarga dan orang lain semasa kecemasan atau berdepan dengan sebarang kejadian bencana.

Kejayaan pelaksanaan Taklimat dan Program CBDRM ini mencerminkan komitmen berterusan dalam meningkatkan kesiapsiagaan masyarakat serta memperkukuhkan peranan masyarakat dalam usaha pengurangan risiko bencana di NBD.



# DIDIK MASYARAKAT TENTANG BAHAYA DADAH

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali





**CERAMAH Khas disampaikan oleh Yang Dipertua Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA), Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Mohd. Ali (atas), manakala gambar kanan, sesi bergambar ramai.**

**GADONG**, Sabtu, 1 Februari. – Dalam usaha memberi pendedahan dan meningkatkan kesedaran masyarakat, terutamanya golongan muda, mengenai bahaya penyalahgunaan dadah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini mengadakan Ceramah Khas Pencegahan Penyalahgunaan Dadah berlangsung di Dewan Jubilee UNISSA, Gadong.

Ceramah Khas bertema 'Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Melalui Nilai-nilai Murni dalam Melayu Islam Beraja' disampaikan oleh Yang Dipertua Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA), Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Mohd. Ali dan dua orang Ahli Pemimpin Muda UNISSA, Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) sebagai moderator.

Ceramah dihadiri oleh seramai 70 orang pelajar UNISSA serta Naib Yang Dipertua Sepanjang Hayat PPPBD, jemputan khas dari barisan Pesuruhjaya - pesuruhjaya PPPBD dan juga beberapa Pensyarah UNISSA.

Majlis ini juga bertujuan untuk membantu mendidik masyarakat dan juga melibatkan komuniti-komuniti masyarakat dalam usaha untuk mencegah dan menangani isu dadah.

# Pasukan Politeknik Brunei juara Pertandingan Hadrah






**SALAH sebuah pasukan yang menyertai Pertandingan Piala Canselor 2024/2025 (kiri), manakala gambar kanan, Pemangku Penolong Rektor (Penyelidikan dan Antarabangsa), Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Awang Haji Hambali bin Haji Awang Jaili hadir selaku tetamu kehormat majlis.**

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru - baru ini meneruskan Pertandingan Piala Canselor 2024/2025 dengan penganjuran Pertandingan Hadrah.

Pertandingan berkenaan berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Penolong Rektor (Penyelidikan dan Antarabangsa), UNISSA, Dr. Awang Haji Hambali bin Haji Awang Jaili.

Pasukan - pasukan yang bertanding adalah terdiri daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Negara Brunei Darussalam (NBD) iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), UNISSA, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Politeknik Brunei.

Johan pertandingan disandang oleh pasukan Politeknik Brunei, manakala naib johan milik KUPU SB, sementara UBD memenangi tempat ketiga.

Kejohanan Pertandingan Hadrah berkenaan secara tidak langsung dapat mengukuhkan nilai kerjasama dan disiplin di antara para pelajar yang bertanding.

Selain itu, pertandingan berkenaan juga dihasrat dapat memberi kesedaran kepada para peserta untuk sentiasa menghargai warisan budaya NBD supaya ia kekal dan tidak pupus ditelan zaman.



# KEJOHANAN MEMPROMOSI INKLUSIVITI, SUKAN UNTUK SEMUA

**PASUKAN England dinobatkan sebagai juara pada The 3rd BERSATU President's Futsal Cup 2025 (kanan), manakala gambar bawah kanan, antara aksi perlawanan berkenaan.**



**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERAKAS**, Ahad, 2 Februari. - Pasukan England dinobatkan sebagai juara pada The 3rd BERSATU President's Futsal Cup 2025 setelah menewaskan Pasukan Argentina dengan jaringan 1-0, pada perlawanan akhir yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, hari ini. Manakala tempat ketiga disandang oleh Pasukan Germany.

The 3rd BERSATU President's Futsal Cup 2025 kelolaan Persatuan Bekas-bekas Peserta Kapal Belia Asia Tenggara (Persatuan BERSATU) yang bertemakan 'Champions of Champions' itu disertai oleh 80 pemain yang dibahagikan kepada lapan pasukan mewakili negara-negara yang telah memenangi Piala Dunia FIFA.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan medal kepada para pemain ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka. Juga hadir, Yang Dipertua Persatuan BERSATU, Dayang Hajah Rosmawatiniah binti P.A. Haji Ibrahim.

Acara turut menyaksikan penyampaian anugerah-anugerah khas termasuk Golden Ball, Golden Glove, Golden Boot, Pemain Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan (OKP) Terbaik, Pemain Veteran Terbaik serta Pemain Terbaik Bawah 13 Tahun dan Bawah 16 Tahun.

Pertandingan dwitahunan ini, yang bermula pada tahun 2021, bertujuan untuk memupuk persahabatan melalui sukan serta mempromosikan gaya hidup sihat dalam kalangan ahli alumni, keluarga angkat dan perwakilan diplomatik Jepun dan ASEAN di NBD.

Ia juga bertujuan untuk mempromosikan inklusiviti dan sukan untuk semua terutamanya melibatkan komuniti yang kurang upaya pendengaran serta golongan belia di NBD.

Turut hadir, pegawai-pegawai dari Jabatan Belia dan Sukan, perwakilan dari Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi di NBD, Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), OKP, Al-Mujaahidun Futsal Academy serta bekas - bekas peserta Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (SSEAYP).







# Brunei DPMM FC, BG Tampines Rovers FC kongsi mata

**SEBAHAGIAN aksi perlawanan di antara Brunei DPMM FC menentang BG Tampines Rovers FC yang diadakan di Stadium Jalan Besar, Singapura (kiri sekali dan kiri).**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Tangkap Layar YouTube Singapore Premier League**

**REPUBLIK SINGAPURA**, Sabtu, 1 Februari. – Jaringan Nazry Aiman pada saat-saat akhir membantu Brunei DPMM FC meraih satu mata selepas keputusan 1-1 menentang BG Tampines Rovers FC dalam aksi peringkat Kumpulan 'A' Piala Singapura 2024/2025 yang diadakan di Stadium Jalan Besar, Singapura.

Pada separuh masa pertama perlawanan menyaksikan kedua-dua pasukan mencari ruang untuk menjaringkan gol dengan beberapa asakan dilakukan namun belum menemui penyudahnya.

Bersambung pada babak kedua, serangan demi serangan dilakukan, BG Tampines Rovers FC akhirnya memecah kebuntuan pada minit ke-80 selepas sepakan percuma oleh Seia Kunori terkena pemain Brunei DPMM FC dan terus menerjah gawang.

Ketinggalan 1-0 dengan berbaki beberapa minit sebelum tamat perlawanan, Brunei DPMM FC kemudiannya bangkit memberikan tekanan kepada pasukan lawan dan rembatan voli Nazry Aiman menyudahkan gol ke gawang BG Tampines Rovers FC pada minit ke-95 dan keputusan kekal 1 – 1 sehingga tamat perlawanan.

Sementara pada perlawanan yang berlangsung di Stadium Jurong East pula, Hougang United FC meraih tiga mata penuh selepas menewaskan Albirex Niigata FC (S), 2 -1.

Kedudukan semasa menyaksikan Hougang United FC mengungguli Kumpulan 'A' dengan tiga mata, sementara Brunei DPMM FC dan BG Tampines Rovers FC masing-masing di tempat kedua dan ketiga berkongsi satu mata.

Pasukan Brunei DPMM FC akan meneruskan saingan Piala Singapura pada 15 Februari 2025 menentang Young Lions FC.

Pada Piala Singapura kali ini, Brunei DPMM FC berada dalam Kumpulan 'A' bersama Hougang United FC, Young Lions FC, Albirex Niigata FC (S) dan BG Tampines Rovers FC.

Sementara itu, pasukan yang bersaing dalam Kumpulan 'B' ialah Balestier Khalsa FC, BG Pathum United, Geylang International FC, Lion City Sailors FC dan Tanjong Pagar United.

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI




ePaper Pelita Brunei

# PUPUK SEMANGAT KEKELUARGAAN, SIHAT MELALUI AKTIVITI SUKAN





**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada acara 'Sung Nio Jati Li Mukim Telisai' dan seterusnya menyertai aktiviti pemanasan badan dan riadah berbasikal (kiri dan bawah kiri).**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**TUTONG**, Ahad, 2 Februari. - Majlis Perundingan Mukim Telisai dengan kerjasama Majlis - majlis Perundingan Kampung di bawah Mukim Telisai awal pagi tadi mengadakan acara-acara keluarga dan komuniti iaitu 'Sung Nio Jati Li Mukim Telisai' yang berlangsung di Kawasan Lapang Berdekatan Masjid Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang, di sini.

'Sung Nio Jati Li Mukim Telisai' membawa erti 'Maritah kitani ke Mukim Telisai'. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Juga hadir, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri; Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan; penghulu dan ketua-ketua Kampung Daerah Tutong.

Aktiviti-aktiviti yang diadakan ialah seperti pemanasan badan selama 10 minit dan diteruskan dengan riadah berbasikal sejauh 26 kilometer bermula dan berakhir di Jalan Tibadak.

Juga diadakan, acara berjalan kaki santai sejauh 3 kilometer. Selain itu, dalam memberi peluang kepada penduduk kampung dan Mukim Telisai bagi meningkatkan lagi perekonomian mereka, Gerai Jualan Sukan Ria juga diadakan sepanjang acara tersebut. Di sebelah petang pula, diadakan aktiviti sukan ria, permainan layang-layang dan sebagainya.

Antara lain tujuan acara tersebut diadakan adalah bagi memupuk semangat kekeluargaan dengan aktiviti sihat dalam kalangan penduduk mukim, di samping dapat menyatupadukan penduduk mukim melalui perhimpunan yang diadakan serta memberi peluang kepada penduduk mukim mengikuti aktiviti-aktiviti sukan, riadah dan jualan.

# Perlawanan Badminton Persahabatan eratkan silaturahim

**Berita dan Foto : Ihsan Badminton Veteran Bengkurong Community**

**KOTA KINABALU**, Sabtu, 1 Februari. - Pasukan Badminton Veteran Bengkurong Community (BVBC) yang diketuai oleh Awang Haji Mohd. Alidin bin Haji Kura mengadakan Perlawanan Badminton Persahabatan dengan Pasukan Badminton RMBC27 Kota Kinabalu, Sabah yang diketuai oleh Penaungnya, Datuk Ramlee Marhaban.

Perlawanan Badminton berkenaan berlangsung di Dewan RMBC27 Kuala Putatan, Kota Kinabalu, Sabah.

Perlawanan tersebut bertujuan untuk mengeratkan silaturahim di antara kedua-dua pasukan.



**PERLAWANAN Badminton Persahabatan yang berlangsung di Dewan RMBC27 Kuala Putatan, Kota Kinabalu, Sabah bertujuan untuk mengeratkan silaturahim di antara kedua-dua pasukan.**

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn